KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

LAPORAN TAHUNAN 2018



LAPORAN TAHUNAN 2018



POLITEKNIK KECIL BERJIWA BESAR





KANDUNGAN >

PRAKATA | 08-14
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

> Perutusan Pengarah | 08
> Kata Aluan Pengerusi | 10
> Kata Aluan Ketua Editor | 12

MAKLUMAT | 15-29
KORPORAT

> Pengenalan & Latar Belakang PKT | 16-17
> Objektif Kualiti, Misi dan Visi PKT | 18-19
> Piagam & Dasar Kualiti | 20-21
> 10 Lonjakan PPPM-PT | 22-23
> Prestasi KPI PolyPMO 2018 | 24-25
> Carta Organisasi PKT | 26-27
> Legasi Pengarah PKT | 28-29

PENTADBIRAN | 31-65
STAF

> Unit Pentadbiran | 32-35
> Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan | 36-43
> Unit Perhubungan Awam | 44-47
> Unit Pembangunan & Senggaraan | 48-53
> Unit Kewangan | 54-59
> War Room | 60-65

JABATAN | 67-101
AKADEMIK

> Jabatan Kejuruteraan Elektrik | 68-73
> Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi | 74-79
> Jabatan Matematik Sains & Komputer | 80-83
> Jabatan Pengajian Am | 84-85
> Unit Kecemerlangan Akademik | 86-89
> Unit Perhubungan & Latihan Industri | 90-93
> Unit Peperiksaan | 94-97
> Unit Penyelidikan Inovasi & Komersilan | 98-101



JABATAN | 103-113
SOKONGAN AKADEMIK

> Corporate Industrial Service & Employment Centre | 104-107
> Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia | 108-113

SOKONGAN | 115-125
PELAJAR

> Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar | 116-121
> Unit Perpustakaan | 122-125

KOLABORASI | 127-133
@ PPI

> Jawatankuasa Kolaborasi Politeknik | 128-129
> Interaksi Industri | 131-133

SOROTAN AKHBAR | 135-143
KOLEKSI GAMBAR

> Sorotan Akhbar Tempatan | 136-139
> Koleksi Gambar 2018 | 140-143

SIDANG EDITOR | 144-145

PERUTUSAN
PENGARAH

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan rahmat serta izinNya, Buku Laporan Tahunan 2018 Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah berjaya diterbitkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa yang telah bertungkus lumus menyiapkan bahan laporan.

Pertama sekali, PKT sebagai salah sebuah institusi peneraju Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam melahirkan graduan TVET selaras dengan keperluan industri sekaligus merealisasikan visi utama PKT iaitu menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri menjelang 2020. Menyedari akan cabaran ini, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak di PKT terutamanya pihak pengurusan, para pensyarah dan kakitangan sokongan untuk sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan misi tersebut.

Perkembangan Revolusi Industri 4.0 memberikan kesan secara langsung dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan khususnya yang menjadi asas kepada penyedia tenaga kerja. Ini kerana revolusi industri baharu ini memerlukan set kemahiran yang baharu. Pelajar juga perlu mengetahui bahawa pekerja pada zaman hadapan bukan sahaja memerlukan mereka mempelajari pelbagai maklumat dan ilmu baharu tetapi perlu digabungkan dengan kebijaksanaan untuk mengoptimumkan maklumat serta ilmu yang mereka miliki. Antara bidang yang boleh diceburi pelajar adalah seperti komunikasi, teknologi, reka bentuk 3D, animasi, selain meneroka bidang baharu yang lain yang berkaitan dengan IR 4.0.

Sebagai Pengarah di Politeknik Kuala Terengganu saya berharap agar pencapaian-pencapaian yang diraih PKT setiap tahun akan menjadi pembakar semangat kepada seluruh warga PKT untuk terus berusaha dan mengorak langkah dalam mencipta kejayaan-kejayaan lain pada masa akan datang. Saya percaya setiap warga PKT mempunyai kelebihan dan bakat tersendiri yang dapat menyumbang kearah pembangunan PKT sebagai sebuah institusi pendidikan yang terunggul di Malaysia. Semoga PKT akan terus melakar kejayaan cemerlang dan gemilang pada masa yang akan datang, insya-Allah.

Akhir kata, saya berdoa ke hadrat Ilahi agar pencapaian dan kecemerlangan yang diperoleh ini akan berkekalan dan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa seiring dengan visi dan misi Politeknik Malaysia amnya dan PKT khususnya.

Sekian, terima kasih.

DR. HAJI MOHD DAUD BIN ISA
PENGARAH
Politeknik Kuala Terengganu



"PKT sebagai salah sebuah institusi peneraju Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam melahirkan graduan TVET"

KATA ALUAN
PENGERUSI JAWATANKUASA PENERBITAN

Alhamdulillah, dengan limpah kurniaNya Buku Laporan Tahunan Politeknik Kuala Terengganu (PKT) Tahun 2018 dapat juga diterbitkan dengan jayanya. Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada seluruh Jawatankuasa Penerbitan yang bersama-sama berganding bahu menjana idea dan kreativiti untuk menghasilkan Laporan Tahunan ini untuk bacaan dan rujukan semua.

Kejayaan dalam menerbitkan Laporan Tahunan ini melambangkan kesungguhan dan kerjasama yang padu antara semua warga PKT dalam menjayakan aktiviti-aktiviti jabatan yang telah dirancang sepanjang tahun. Saya percaya dengan penerbitan Buku Laporan Tahunan ini banyak peristiwa bersejarah dan kejayaan-kejayaan yang diraih oleh warga PKT dapat diabadikan dan dikongsi bersama.

Banyak kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2018 samaada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sesungguhnya, segala pencapaian yang cemerlang perlu diteruskan manakala pencapaian yang kurang menepati sasaran perlu dilakukan proses penambahbaikan.

Akhir kata saya mendoakan mudah-mudahan PKT akan terus cemerlang dan gemilang dalam kerja buat sama ada yang rutin atau terancang. Semoga Allah memberkati kita semua.

ABDUL HALIM BIN AHMAD
PENGERUSI
Jawatankuasa Penerbitan
Politeknik Kuala Terengganu

"kerjasama yang padu antara semua warga PKT dalam menjayakan aktiviti-aktiviti jabatan yang telah dirancang sepanjang tahun"



KATA ALUAN
KETUA EDITOR

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera.Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya sekali lagi buku Laporan Tahunan PKT 2018 dapat menemui pembaca khususnya warga Politeknik Kuala Terengganu, umumnya seluruh warga JPPKK. Saya selaku ketua editor, mengucapkan ribuan terima kasih kepada sidang editor, ahli jawatankuasa penerbitan, semua pengarang di Jabatan dan Unit serta semua pihak yang bersama-sama bekerja keras dalam proses penerbitan buku laporan tahunan PKT edisi 2018. Penghargaan yang tidak terhingga juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas bantuan dan dorongan sehingga buku laporan tahunan ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Laporan tahunan merupakah satu wadah rasmi organisasi yang melaporkan segala aktiviti kerja buat yang telah dilaksanakan oleh warga PKT di peringkat Jabatan dan Unit dan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai sepanjang tahun 2018. Penerbitan laporan tahunan ini bertujuan sebagai rekod dan dokumentasi untuk dijadikan bukti dan rujukan bagi tindakan penambahbaikan berterusan bagi tahun-tahun mendatang. Justeru, setiap organisasi sewajarnya memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan penerbitan dokumen ini.

Akhir kalam, saya mewakili sidang editor laporan tahunan 2018 memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat kelemahan dan kekurangan dalam kandungan laporan ini. Saya amat berharap semua pembaca akan berpuas hati dengan laporan tahunan ini. Buat sidang editor sekalian, tahniah diucapkan dengan penerbitan ini, semoga buku laporan tahunan PKT edisi tahun berikutnya akan lebih kreatif dan inovatif lagi.

Sekian, terima kasih.

TENGKU AZMAN BIN TENGKU MOHD
KETUA EDITOR
Laporan Tahunan 2018
Politeknik Kuala Terengganu

“Laporan tahunan merupakan satu wadah rasmi organisasi yang melaporkan segala aktiviti kerja buat yang telah dilaksanakan oleh warga PKT”



POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

MAKLUMAT KORPORAT

2018

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

PENGENALAN

DAN LATAR BELAKANG POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



SEJARAH PENUBUHAN

Politeknik Kuala Terengganu yang dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota Kuala Terengganu dengan rasminya telah ditubuhkan pada 1 Januari 1999 dengan menumpang bangunan Maktab Perguruan Pasir Panjang. Penubuhan PKKT adalah di bawah konsep kampus dalam kota. Selepas enam bulan beroperasi di Maktab Perguruan Pasir Panjang, akhirnya pada 1 Julai 1999 PKKT telah berpindah ke tapak lama bangunan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Terengganu yang telah disewakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengambilan pertama adalah seramai 153 orang pada Jun 1999 untuk Program Sijil Kejuruteraan Awam sahaja. Bermula pada tahun 2003 Program Sijil Kejuruteraan Awam telah dijumudkan ke Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin dan digantikan dengan Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Elektrik dan Elektronik. Mulai pertengahan Mei 2004, selaras dengan penubuhan kabinet baru selepas Pilihan raya Umum, Politeknik telah diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan ditukarkan namanya kepada Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Memandangkan ruang yang agak terhad di bangunan sedia ada, pada 1 Julai 2005, bangunan tambahan telah disewa bagi menampung para pelajar yang semakin bertambah. Bangunan yang baru disewa dijadikan bilik kuliah untuk Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Walaupun bangunan tambahan telah disewa, ianya masih belum mampu menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah. Ini memaksa PKT menyewa satu lagi bangunan tambahan untuk Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2007.

Selari dengan perkembangan pendidikan, pada sesi pengajian Julai 2009, Program Sijil telah dinaiktarafkan kepada diploma dengan penawaran Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Pada sesi Jun 2010, berlaku lagi perubahan dalam Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan penamatan Diploma Elektrik dan Elektronik dan menawarkan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi).

Sejajar dengan keperluan untuk meningkatkan peluang pembelajaran dalam pendidikan teknikal kepada lepasan SPM maka PKT telah mengorak langkah dengan penambahan penawaran program baharu di politeknik ini mulai Sesi Jun 2014, iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik-Elektronik (DEE) dengan pengambilan pertamanya seramai 65 orang. Seterusnya pada Sesi Jun 2015, sekali lagi PKT menambah penawaran program Diploma Teknologi Maklumat Rangkaian (DNS) dalam usaha untuk meningkatkan jumlah enrolmen pelajar serta menambah daya saing sebagai sebuah institusi yang utama dalam menawarkan latihan TVET terkemuka di Terengganu. Seramai 30 orang pelajar telah mendaftar untuk penawaran kali pertama bagi program DNS tersebut di PKT. PKT terus mengorak langkah dalam menempuh arus perubahan dan modenisasi digital agar seiring dengan perkembangan semasa dewasa ini. Seiring dengan keperluan 10 lonjakan utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), maka mulai sesi Jun 2016 Program Diploma Teknologi Maklumat Pengaturcaraan (DIP) telah dijenamakan semula serta dinaiktarafkan menjadi Program Diploma Teknologi Digital (DDT). Ini bersesuaian dalam usaha melonjak prestasi PKT kepada tahap yang optimum dan cemerlang seiring dengan konsep "Soaring Upwards" Kementerian Pendidikan Tinggi.



OBJEKTIF KUALITI
PKT

KECEMERLANGAN AKADEMIK

- Berusaha memastikan kadar kelulusan bagi setiap program pengajian di peringkat diploma tidak kurang daripada 95% bagi setiap semester.

- Berusaha memastikan sekurang- kurangnya 20% daripada pelajar yang lulus mencapai PNM 3.00 atau lebih untuk setiap program pengajian di peringkat diploma bagi setiap semester.

KECEMERLANGAN STAF

- Memastikan setiap staf menghadiri program / menjalani latihan sekurang- kurangnya 10 hari setahun.

- Membangunkan sekurang - kurangnya lima kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) di kalangan Pensyarah skim DH setahun.

KECEMERLANGAN PROSES

- Memastikan semua prosedur dilaksanakan dengan berkesan /mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan

VISI PKT

Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri menjelang 2020

MISI PKT

Menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif bagi melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan industri



PIAGAM

PELANGGAN PKT

- Proses pendaftaran pelajar diselesaikan pada hari yang sama pelajar mendaftar.
- Status tindakan terhadap aduan pelanggan dimaklumkan kepada pengadu dalam masa empat belas hari bekerja selepas aduan diterima.
- Keputusan peperiksaan akhir diproses dalam masa dua minggu selepas semester pengajian berakhir.
- Melaksanakan 100% penyeliaan ke atas semua pelajar yang sedang menjalani latihan industri pada satu-satu semester.
- Melaksana proses penasihatan akademik bagi memastikan pelajar akan tamat pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

DASAR KUALITI

Dasar kualiti PKT adalah membangunkan potensi pelajar PKT ke arah kecemerlangan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Teknologi Maklumat melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. PKT komited untuk memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti yang disemak semula secara berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem. Dasar ini disebarkan untuk difahami oleh semua peringkat kakitangan.



10 LONJAKAN

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (PENDIDIKAN TINGGI)

Aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dirangka berasaskan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar agar pendidikan tinggi di Malaysia sentiasa berdaya saing seiring trend global. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam system pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga akan menjelaskan kaedah untuk menangani isu berkaitan prestasi utama sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan landskap pendidikan tinggi. Empat Lonjakan yang pertama memfokus pada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam Lonjakan seterusnya memberi tumpuan pada pemboleh (enablers) ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsaan dan penyampaian.

Sumber :
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)


Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi
10
Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang
1
Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global
9
2
Kecemerlangan Bakat
Keunggulan Global
8
Keberhasilan
Pemangkin
Bakat Terpelajar Dipacu Nilai
3
Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
7
Ekosistem Inovasi
4
Graduan TVET Berkualiti
6
5
Pemantapan Tadbir Urus
Kemampanan Kewangan

PRESTASI

Key Performance Indicator (KPI)
PolyPMO **2018**

TREND PENCAPAIAN MARKAH KPI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



PRESTASI KPI POLYPMO 2018
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

TERAS	SO	PETUNJUK KPI	WAJARAN	SKOR
Memastikan Graduan TVET Berkualiti	1.1	Tahap kepuasan majikan terhadap graduan yang bekerja	4%	4%
Memastikan Graduan TVET Berkualiti	1.1	Peratus kebolehpasaran graduan semasa konvokesyen	8%	8%
Memastikan Graduan TVET Berkualiti	1.2	Bilangan peserta PSH bagi setiap institusi	4%	4%
Melestari Institusi Kondusif	2.2	Peratus program yang memenuhi norma di setiap institusi bagi pengambilan perdana pada tahun semasa	6%	4%
Melestari Institusi Kondusif	2.2	Bilangan hebahan jabatan & institusi di media sosial	4%	4%
Melestari Institusi Kondusif	2.6	Jumlah pendapatan daripada program PSH yang berkaitan menyumbang kepada akaun amanah	4%	4%
Melestari Institusi Kondusif	2.7	Peratus institusi mencapai penjimatan minimum sebanyak 5% bayaran bil elektrik	4%	0%
Melestari Institusi Kondusif	2.7	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus pada tahap tinggi yang dicapai oleh institusi	6%	6%
Melestari Institusi Kondusif	2.8	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus pada tahap tinggi yang dicapai oleh institusi	8%	7.3%
Penggayaan Bakat	3.1	Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat bersama industri	8%	3.3%
Merekabentuk Semula Sistem Pendidikan	4.2	Kadar tamat pengajian dalam tempoh (iGOT)	8%	8%
Merekabentuk Semula Sistem Pendidikan	4.2	Peratus pelaksanaan pembelajaran teradun dan pembangunan bahan pembelajaran digital.	8%	8%
Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti	5.1	Bilangan industri / agensi yang mempunyai kolaborasi aktif dengan institusi	8%	8%
Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti	5.3	Bilangan program / aktiviti yang melibatkan alumni	4%	4%
Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti	5.4	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan	4%	4%
Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti	5.4	Peratus tahap pencapaian status Centre of Technology (CoT)	8%	8%
Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti	5.4	Peratus kertas penyelidikan/kertas konsep penyelidikan yang diterbitkan di peringkat zon/ kebangsaan/ antarabangsa melalui pemerkasaan penyelidikan	4%	4%
		Markah Keseluruhan		88.6%

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

CARTA ORGANISASI

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2018


PENGARAH
HAJJAH RADIAH CHE SU A.M.T
PEMBANTU KHAS
AZLIZA BINTI ABDUL HAMID
TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)
ABDUL HALIM BIN AHMAD
TIMBALAN PENGARAH (SOKONGAN AKADEMIK)
SUZANA BINTI MOHD ALI
KETUA JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
MARZUKI BIN HUSSAIN
KETUA JABATAN MATEMATIK SAINS & KOMPUTER
MOHD RUSMI ABDUL GHANI
KETUA JABATAN HAL EHWAL & PEMBANGUNAN PELAJAR
MOHD ZAILANI BIN SULONG
PEGAWAI PENGURUSAN KUALITI
RASHID BIN MOHAMMAD
KETUA UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI
AIEZZATUL AKMALIYAH BT ABDULLAH
KETUA UNIT PID
ABDUL GHANI BIN JUSOH
KETUA JABATAN TEK. MAKLUMAT & KOMUNIKASI
RAJA INTAN SARIAH RAJA MAHMOOD
KETUA JABATAN PENGAJIAN AM
WATI BINTI MOHAMAD
KETUA UNIT PEPERIKSAAN & PENTAKSIRAN
WAN MOHD ZAIM BIN WAN SALLEH
PEGAWAI E-LEARNING
MOHD ZULKIFLI BIN TAIB
KETUA UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK
AZMAN BIN HUSIN
KETUA UNIT PENTADBIRAN
MUHAMMAD HANAFI BIN MALEK
KETUA UNIT SUKAN KOKUKIKULUM & KEBUDAYAAN
ZUNAIDI BIN ABDULLAH
KETUA UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI
MAZUKI BIN SALIM
PUSTAKAWAN
NOR AZIAH BINTI AWANG
KETUA UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN
MOHD HIDAYAT BIN YUNUS
PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM
NOORAINI BINTI CHIT ADZIZ @ CHE AZIZ
KETUA UNIT CISEC
ZUBAIDAH BINTI AWANG
KETUA UNIT PSIKOLOGI & KERJAYA
WAN NORISAH BINTI WAN MUSA
PEGAWAI MULTIMEDIA & SUMBER
MD HAFRIZ FIKRIE BIN MD HUSSIN
KETUA UNIT KEUSAHAWANAN
NORHISYAM BIN MOHD
KETUA PENYELARAS WAR ROOM
SYED AHMAD NASRIE BIN SAYED ABDULLAH
KETUA UNIT SISTEM MAKLUMAT
SITI RUHANI BINTI SIDIK
KETUA UNIT PERHUBUNGAN & SENGGARAAN
MOHD SHAHRUL ANUAR BIN MAT RADZI
KETUA UNIT KEWANGAN
NOORAZURA BINTI CHE NAZAR

LEGASI PENGARAH PKT

1999



Allahyarham
Mohd Hashim Bin Buyong
01.06.1999 - 31.12.2001

2002



Allahyarham
Haji Mahassan Bin Zakaria
01.12.2002 - 31.12.2003

2004



Haji
Mordin Bin Mohammad
01.01.2004 - 30.04.2005

2005



Haji
Mohd Faisal Bin Haroon
01.06.2005 - 31.07.2006

2006



Mohd Sopian
Bin Baharuddin
01.08.2006 - 30.03.2007

2011



Hajjah
Radiah Binti Che Su **AMT**
01.11.2011 – 09.10.2018

2008



Haji
Mohd Pauzi Bin Ibrahim
01.08.2008 - 01.05.2011

2007



Mohd Sa'at Bin Abdul
02.12.2007 - 16.04.2008

2007



Haji
Abdul Aziz Bin Abu Bakar
01.04.2007 - 01.12.2007



DR. HAJI MOHD DAUD BIN ISA
PENGARAH
17.10.2018 - Sekarang

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

PENTADBIRAN & STAF

2018

UNIT PENTADBIRAN

Editor : Nadiana bt Ariffin

PENGENALAN
Unit Pentadbiran adalah sebuah unit yang bertanggungjawap menjadi peneraju pengerak kepada aktiviti politeknik serta penjana kepada semua aktiviti pentadbiran yang merangkumi perkhidmatan, perjawatan dan pentadbiran am.

OBJEKTIF UNIT PENTADBIRAN
Menentukan pengurusan pentadbiran dilaksanakan dengan lebih cemerlang dan berterusan mengikut peraturan dan arahan-arahan yang sedang berkuatkuasa

VISI UNIT PENTADBIRAN
Menjadikan Bahagian Pengurusan pentadbiran sebagai nasi dan pengerak utama pengurusan Politeknik Kuala Terengganu dengan menyediakan perkhidmatan yang cekap, sistematik dan berkesan.

MISI UNIT PENTADBIRAN
Menyediakan keperluan dan perkhidmatan sokongan di Politeknik Kuala Terengganu bagi meningkatkan kualiti pengurusan serta membudayakan Tadbir Urus yang baik.

KEMUDAHAN DI UNIT PENTADBIRAN
a. Bilik Persidangan Politeknik
b. Bilik Fail

PENCAPAIAN UNIT PENTADBIRAN
Mencapai 100% Pengistiharan Harta Melalui HRMiS Tahun 2018

MOTO UNIT PENTADBIRAN
"Pentadbiran Berintegriti Ke Arah Kualiti"

SENARAI KAKITANGAN DAN GRED
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

AKADEMIK

Jawatan	Gred	Isi
Pengarah	DH54	1
Timbalan Pengarah	DH48	1
PPPT	DH54	1
PPPT	DH52	1
PPPT	DH48	22
PPPT	DH44	49
PPPT	DH41	7
PPPT	DH29 – DH40	4
	Jumlah	**86**

JUMLAH KESELURUHAN KAKITANGAN PKT



BUKAN AKADEMIK

Jawatan	Gred	Isi
Pegawai Gunasama	Gred 41	7
KUMPULAN SOKONGAN I		
Penolong Pegawai Tadbir	N29-N32	3
Pen. Peg. Tek. Maklumat	FA29/FA32	1
Pen. Peg. Tek. Maklumat (KUP)	FA29	1
Penolong Jurutera	JA29	8
Penolong Pustakawan	S29	1
Penolong Akauntan	W29/W32	1
Penolong Akauntan (KUP)	W29	1
Juruteknik Komputer	FT19	2
Pembantu Makmal	C19	3
Pembantu Perpustakaan	S19	2
Pembantu Akauntan	W22	1
Pembantu Tadbir (KEW)	W19-W22	2
Peg. Khidmat. Pelanggan	N19	1
Juru Audio Visual	N19	1
Ahli Fotografi	B19	1
Pereka	B19	1
Pembantu Tadbir	N19-N22	11
KUMPULAN SOKONGAN II		
Pemandu	H11-H14	6
Pembantu Operasi	N11-N14	13
	Jumlah	**67**

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

2017



NIK ROSLINI BINTI NIK IBRAHIM

PPPT DH48



SALIZA BINTI DAUD

PPPT DH44



NOR FIRDAUS BINTI ZAKARIA

PPPT DH44



TENGKU AZMAN BIN TENGKU MOHD

PPPT DH44



MOHD AZRI BIN SULONG

FT19



ZUNAIDI BIN ABDULLAH

PPPT DH44



WAN MOHD ZA'IM BIN WAN SALLEH

PPPT DH41



MD HAFRIZ FIKRIE BIN MD HUSSIN

PPPT DH41



SANISAH BINTI AZERAI

S41



ROSMALINI BINTI KUNING

N11



NOORAZURA BINTI CHE NAZAR

W29



MOHD ANUAR BIN SHAFII

JA29



SATIZA BINTI MAT HUSIN

N19

PERTUKARAN KAKITANGAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

2018

November

Azwani binti Abdul Manan
(Pensyarah, DH44 (M))

Oktober

Dr. Haji Mohd Daud bin Isa
(Pengarah, DH54 (M))

Azhar bin Mahmud
(Pensyarah, DH48)

Jun

Tg. Mohd Azlan bin Tg. Dalam
(Pembantu Akauntan, W19)

April

Rohani bt Abd. Razak
(Pensyarah, DH44)
Wan Sukartini bt Wan Samiun
(Pensyarah, DH448 (M))
Wan Syahran bin Wan Saleh
(Pensyarah, DH448 (M))

Februari

Mohd Subri bin Ismail
(Pen. Jurutera, JA29)

Ku Nor Sahara bt Tuan Abu Bakar
(Pen. Jurutera, JA29)

Januari

Shahrizal bin Yunus
(Pensyarah, DH44)
Nur Azhani bt Rosly
(Pensyarah, DH41)
Endon bt Che Mat
(Pensyarah, DH48)
Azahar bin Fauzi
(Pensyarah, DH48 (M))

MASUK **KELUAR**

2017

UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN (ULPL)

Editor : Nadiana bt Ariffin

PENGENALAN

Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan merupakan satu unit yang bertanggungjawab sepenuhnya merancang program-program latihan untuk seluruh kakitangan politeknik sama ada kakitangan akademik atau bukan akademik demi memastikan pembangunan kecemerlangan staf dapat dipertingkatkan dengan lebih berkesan. Selain itu unit juga bertanggungjawab menguruskan kursus atau seminar untuk pihak luar serta penempatan latihan industri bagi pelajar-pelajar IPT lain di PKT.

OBJEKTIF ULPL

Penubuhan unit ini berfungsi untuk memastikan setiap staf dapat mengikuti latihan/kursus sekurang-kurangnya 10 hari setahun selaras dengan ketetapan Jabatan Pendidikan Politeknik dan berdasarkan strategi yang terkandung dalam Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2005 berkaitan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

Namun pada tahun 2017 Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia PPSM (Latihan) KPT Bil 2/2016 bertarikh 14 Disember 2016 menetapkan bilangan hari berkursus staf sekurang-kurangnya empat (4) hari berkursus selaras dengan penangguhan penguatkuasaan pelaksanaan dasar berkursus tujuh hari (7) hari setahun bagi anggota perkhidmatan awam serta pengurangan separuh atau 50% peruntukan program latihan KPT.

VISI ULPL

Menjadikan PKT sebuah institusi pilihan yang berdaya saing bagi memenuhi keperluan industri.

MISI ULPL

Menjadikan kakitangan PKT berpengetahuan seiring dengan perubahan dan perkembangan dasar-dasar dan teknologi terkini.

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

Antara perkhidmatan yang disediakan di unit ini ialah seperti berikut :

a. Menyelaras latihan kepada kakitangan dalaman
b. Menguruskan penempatan pelajar luar bagi menjalani latihan industri di PKT
c. Menguruskan keperluan latihan kepada pihak luar di bawah Program Pembelajaran Sepanjang Hayat.
d. Menguruskan tempahan sewaan ruang di bawah 'Time Sector Privatization" oleh pihak luar.
e. ULPL sebagai "Training Provider" di bawah HRDF.

MOTO ULPL

"Pembangunan Bakat Anda Tanggungjawab Kami"

CARTA ORGANISASI UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

Berikut ialah senarai aktiviti kursus KUDAP yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun:

AKTIVITI UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN SEPANJANG TAHUN 2018

BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM /AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
JANUARI	9 - 10 Januari 2018	Bengkel JuruAudit Dalaman MS ISO 9001 : 2015	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	15 Januari 2018	Bengkel Office 365		
	28 Januari 2018	Bengkel Pengemaskiniaan Maklumat eProfiling		
FEBRUARI	12 Februari 2018	Bengkel Google Apps	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
MAC	11 Mac 2018	Bengkel Penyediaan Keperluaan Program Baharu (PNA) bagi Program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS)	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	11 - 12 Mac 2018	Bengkel Pemurnian Fail		
	25 - 26 Mac 2018	Bengkel Penyampaian Berkesan		
APRIL	23 - 24 April 2018	Bengkel Coaching dan Mentoring	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
MEI	13 - 14 Mei 2018	Bengkel Pemantapan Bahan P&P Pensyarah Melalui CIDOS dan MOOC	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	15 - 16 Mei 2018	Bengkel Fail Induk EKSA		
	25 Mei 2018	Andai Berhak Bahagia		
	27 - 28 Mei 2018	Bengkel Massive Open Online Courses (MOOC)		
JULAI	16 Julai 2018	Kursus asas keusahawanan 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	25 Julai 2018	Bengkel Pengurusan email 1GOVUC		
OGOS	20 Ogos 2018	Bengkel kemahiran keibubapaan	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
NOVEMBER	12 - 13 November 2018	Bengkel Pengemaskinian e-Profiling	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	14 - 15 November 2018	Bengkel Adobe Illustrator		
	21 November 2018	Bengkel Pembangunan PSH		
	26 November 2018	Seminar mengenali gaya hidup sihat		

SEKITAR AKTIVITI ULPL

Taklimat Kursus PSH kepada rombongan Lawatan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Besi





Seminar Mengenali Amalan Hidup Sihat yang di adakan pada 26 November 2018 bertempat di Bilik Tayangan PKT menarik minat kakitangan PKT dalam menjalani kehidupan yang lebih sihat, baik dan produktif

PENCAPAIAN PRESTASI

NO	NAMA PROGRAM	TARIKH	BIL. PESERTA	PENJANAAN PENDAPATAN (RM)
1	KELAS PERSEDIAAN MUET SIRI 2/2018	25 JANUARI 2018	31	3,100.00
2	KELAS JAHIT BEG JEANS	26 JANUARI 2018	8	120.00
3	KELAS ASAS TAJWID SIRI 1	1 FEBRUARI 2018	12	80.00
4	BENGKEL JAHITAN KAIN FELT	10 FEBRUARI 2018	26	520.00
5	E-USAHAWAN	2-3 MAC 2018	53	4,500.00
6	KURSUS PENGURUSAN BISNES	26 MAC 2018	35	920.00
7	BENGKEL KRAF JAWI	21 MAC 2018	13	65.00
8	KURSUS POWER ELEKTRONIK SIRI 1	29 JANUARI 2018	20	1,140.00
9	KURSUS POWER ELEKTRONIK SIRI 2	5 FEBRUARI 2018	20	1,140.00
10	KURSUS POWER ELEKTRONIK SIRI 3	12 FEBRUARI 2018	20	1,140.00
11	KURSUS POWER ELEKTRONIK SIRI 4	19 FEBRUARI 2018	20	1,140.00
12	BENGKEL ASAS PENGATURCARAAN PHP SIRI 1	30 - 31 MAC 2018	25	1,500.00
13	BENGKEL ASAS PENGATURCARAAN PHP SIRI 2	13 – 14 APRIL 2018	25	1,500.00
14	BENGKEL ASAS PENGATURCARAAN PHP SIRI 3	4 – 5 MEI 2018	25	1,500.00
15	KURSUS ASAS BOWLING	12 MEI 2018	32	160.00
16	KURSUS REKA MONTAJ DAN VIDEO AFTER EFFECT	17 – 19 JULAI 2018	5	200.00
17	KURSUS DONAT DAN PAU	28 JULAI 2018	30	150.00
18	SEMINAR MUET	26 JULAI 2018	67	-
19	KELAS PERSEDIAAN MUET SIRI 2/2018	2 OGOS 2018	34	2,720.00
20	BENGKEL MICROSOFT PROEJCT	23- 24 OKTOBER 2018	10	400.00
21	BENGKEL MY E-HALAL	6 DISEMBER 2018	12	200.00
22	PROGRAM DIGITAL MARKETING STRATEGIES	21 DISEMBER 2018	86	200.00
	JUMLAH		**609**	**22,395.00**

PENCAPAIAN DAN PRESTASI

Prestasi Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan pada tahun 2018 adalah sangat memberangsangkan. Kesemua 153 orang staf PKT telah berjaya melengkapkan sekurang-kurangnya 4 hari berkursus mengikut surat edaran bertarikh 23 Febuari 2017. Seramai 59 dari 153 orang Staf PKT telah menghadiri sekurang-kurangnya 10 hari berkursus iaitu pada kadar 39%.

ULPL juga berjaya memenuhi kehendak Key Performance Index (KPI) yang ditetapkan oleh pihak JPPKK di dalam bilangan penyertaan kursus Time Sector Privatisation (TSP) iaitu 500 bilangan penyertaan dan jumlah janaan pendapatan Akaun Amanah sebanyak RM10, 000.



JUMLAH STAF PKT



4 HARI KURSUS



10 HARI KURSUS

Prestasi ULPL Tahun 2018







Bengkel Google Apps

Kursus Persediaan MUET









Kursus Keluarga Bahagia

Kursus Kraf Jawi





UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Editor : Nadiana bt Ariffin

PENGENALAN

Unit Perhubungan Awam Politeknik Kuala Terengganu (PKT) bertindak sebagai jurucakap bagi PKT dalam menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang berkaitan dengan PKT dengan arahan dan persetujuan Pengarah PKT. Unit ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan perhubungan awam dengan media dan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat secara berkesan. Selain itu, unit ini juga bertindak dalam menguruskan isu dan aduan berdasarkan piawaian, merancang dan melaksana aktiviti publisiti dan promosi secara berterusan dan menyelaras penyediaan teks ucapan, kata aluan dan penerbitan korporat.

OBJEKTIF UNIT PERHUBUNGAN AWAM

a. Menguruskan promosi dan publisiti tentang dasar, program dan aktiviti yang dianjurkan oleh politeknik dan pihak luar yang berkaitan.
b. Memantau dan menilai liputan media yang memberi kesan kepada perkembangan Politeknik Kuala Terengganu.
c. Menyelaras hubungan Politeknik Kuala Terengganu dengan institusi pendidikan lain dan juga pihak-pihak luar.
d. Mengurus lawatan-lawatan dari luar sama ada pelajar, syarikat atau badan-badan kerajaan yang lain.
e. Membantu Unit Multimedia dalam penghasilan bahan penerbitan politeknik.
f. Membantu unit ICT dalam pembangunan bahan laman web rasmi Politeknik Kuala Terengganu.

VISI UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Pengurusan komunikasi dan perhubungan awam yang profesional dan dinamik.

MISI UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Menerajui perhubungan awam berteraskan profesional, kompeten dan komunikasi yang efektif.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI UNIT PERHUBUNGAN AWAM SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI	02 Januari 2018	Liputan Majlis Perasmian Program Touch Point Cabinet Away Day 2017, Politeknik Kuala Terengganu bersama Parlimen Marang	Kampung Kenanga, Marang, Terengganu	Parlimen Marang
	28 Januari 2018 - 01 Februari 2018	Liputan Program Minggu Jawi 2018	Perpustakaan PKT	Politeknik
MAC	14 - 17 Mac 2018	Hebahan Program Khidmat Komuniti Sukarelawan Yes Politeknik Kuala Terengganu bersama Komuniti Desa Pangker, Karimun, Indonesia	Desa Pangker, Karimun, Indonesia	Antarabangsa
JUN	30 Jun 2018 – 01 Julai 2018	Liputan dan hebahan Program Career Day 2.0 Politeknik Kuala Terengganu 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
JULAI	01 Julai 2018	Liputan Penyerahan Projek PPRN kepada NMH Production & Creation	Syarikat NMH Production & Creation	Politeknik
OGOS	03 – 05 Ogos 2018	Hebahan Karnival Sukan Pantai dan Indoor Games Politeknik Malaysia 2018	Scout Inn Resort, Kuala Nerus	Politeknik
	07 – 10 Ogos 2018	Hebahan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu 2018 Peringkat Politeknik Malaysia dan Kolej Komuniti	Dewan Kenanga TER, Kuala Terengganu	Politeknik Malaysia dan Kolej Komuniti
SEPTEMBER	22 September 2018	Hebahan Majlis Makan Malam Alumni Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dan Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi	Hall 2, Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu	Politeknik
	22 September 2018	Liputan Media Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi antara PKT dan Jabatan Penyiaran Terengganu, Infradata Technology & Services Sdn Bhd dan Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur	Hall 2, Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu	Politeknik
	23 September 2018	Liputan Media Majlis Konvokesyen Politeknik Kuala Terengganu Kali Ke-17	Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu	Politeknik





Hebahan Program Career Day 2.0 Politeknik Kuala Terengganu 2018 di Konti Terengganu FM

Liputan Penyerahan Projek PPRN kepada NMH Production & Creation oleh Rancangan Televisyen Malaysia (RTM) Terengganu







Liputan Media Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi antara PKT dan Jabatan Penyiaran Terengganu, Infradata Technology & Services Sdn Bhd dan Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur oleh Rancangan Televisyen Malaysia (RTM) Terengganu













UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN (UPS)

Editor : Nadiana bt Ariffin

PENGENALAN

Unit Pembangunan dan Senggaraan berperanan merancang dan menyelaraskan kerja-kerja pembangunan seperti naiktaraf / pengubahsuaian ruang serta kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan dan pembaikan (preventive & corrective maintenance) yang melibatkan bangunan, infrastruktur, awam, aset dan peralatan seperti kenderaan jabatan, penyaman udara, mesin fotostat dan sebagainya. Kerja penyelenggaraan dilaksanakan samada secara terus atau melalui khidmat kontraktor yang diselia oleh Penolong Jurutera di dalam bidang yang berkaitan.

OBJEKTIF UPS

Memastikan bangunan, infrastruktur, awam, aset dan peralatan di bawah seliaan unit ini agar berfungsi dengan baik, selesa dan selamat digunakan supaya dapat menjadikan PKT sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

VISI UPS

Unit yang efektif dalam melaksanakan kerja pembangunan dan penyelenggaraan.

MISI UPS

Perkhidmatan yang mesra pelanggan terhadap setiap laporan kerosakan dan tindakan penyelenggaraan dan pembangunan yang memberi keselesaan kepada pelanggan.

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

Antara kemudahan yang terdapat di unit ini ialah seperti berikut :

a. Perkhidmatan penyelenggaraan bangunan, infrastruktur, awam, aset dan peralatan di bawah seliaan unit ini.
b. Perkhidmatan penggunaan kenderaan jabatan.

PENCAPAIAN DAN PRESTASI

UPS PKT telah ditugaskan dengan JK Persiapan Tempat bagi pelbagai program dan acara sama ada di peringkat politeknik atau kebangsaan dengan kapasiti dan kepakaran yang dimiliki. Diantara program dan acara tersebut adalah seperti

a. Karnival Sukan Pantai Indoor Games MSP 2018
b. Pendaftaran & MSK sesi Jun 2018 & Disember 2018
c. Majlis Konvokesyen PKT
d. Program Career Day 2.0
e. Konvensyen KIK Horizon Baharu Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia

CARTA ORGANISASI UPS



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI UNIT PENYENGGARAAN DAN SENGGARAAN SEPANJANG TAHUN 2018			
BULAN	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI	Penyelenggaraan bumbung metal deck • Menyelesaikan masalah kebocoran bumbung konkrit rata (slab roof) • Mengurangkan risiko kerosakan peralatan	Bangunan JPA	Politeknik
FEBRUARI	Penyelenggaraan & baikpulih penutup longkang • Mengurangkan risiko keselamatan pelajar	Bangunan JKE	Politeknik
MAC	Penyelenggaraan ruang bay pendawaian • Memenuhi keperluan P&P pelajar	Makmal Pendawaian, JKE	Politeknik
APRIL	Penyelenggaraan pendawaian semula elektrik • Memenuhi keperluan P&P pelajar • Melancarkan perlaksanaan proses P&P	Bangunan Perpustakaan	Politeknik
MEI	Penyelenggaraan ruang di makmal kuasa & bengkel projek • Memenuhi keperluan P&P pelajar • Melancarkan perlaksanaan proses P&P	JKE, Bangunan Induk	Politeknik
JUN	Penyelenggaraan overhaul kenderaan jabatan Nissan Serena • Memenuhi keperluan P&P pelajar • Memenuhi keperluan operasi organisasi	UPS	Politeknik
JULAI	Penyelenggaraan pendawaian elektrik di makmal Ecad • Memenuhi keperluan P&P pelajar • Melancarkan perlaksanaan proses P&P	JKE, Bangunan Induk	Politeknik
OGOS	Penyelenggaraan & baikpulih sistem pencegahan kebakaran • Mengurangkan risiko keselamatan pelajar • Memenuhi keperluan keselamatan di organisasi (bomba)	Semua Bangunan	Politeknik
SEPTEMBER	Penyelenggaraan pintu rintangan api • Mengurangkan risiko keselamatan pelajar • Memenuhi keperluan keselamatan di organisasi (bomba)	Bangunan JPA	Politeknik
OKTOBER	Penyelenggaraan signboard utama & signage • Meningkatkan keceriaan & imej organisasi	Bangunan Induk	Politeknik
NOVEMBER	Penyelenggaraan pos pengawal keselamatan • Memenuhi keperluan operasi organisasi • Meningkatkan keceriaan & imej organisasi	Bangunan Induk	Politeknik
DISEMBER	Penyelenggaraan grouting waterproofing • Menyelesaikan masalah kebocoran bumbung konkrit rata (slab roof) • Mengurangkan risiko kerosakan peralatan	Aras 2, Bangunan Induk	Politeknik

MAKLUMAT PENYENGGARAAN UPS





› Kerja-kerja penyenggaraan bumbung







› Penyenggaraan penutup longkang pecah









› Kerja penyenggaraan ruang bay pendawaian dan pendawaian semula elektrik





› Penyenggaraan signboard utama & signage jabatan





› Penyenggaraan pintu rintangan api





› *Penyenggaraan pos pengawal keselamatan*





› *Penyenggaraan & baikpulih sistem pencegahan kebakaran*







› *Penyelenggaraan kenderaan jabatan - Nissan Serena*





› *Penyenggaraan dan pendawaian elektrik di makmal ECAD*

UNIT KEWANGAN

Editor : Nadiana bt Ariffin

PENGENALAN

Unit Kewangan diketuai oleh Pengarah Politeknik Kuala Terengganu dan dibantu oleh seorang (1) Penolong Akauntan gred W29 serta enam (5) orang kakitangan sokongan yang lain.

OBJEKTIF UNIT KEWANGAN

Penubuhan unit ini berfungsi untuk menyokong pengurusan Politeknik dari segi:

a. Merancang, mengurus dan mengawal peruntukan kewangan dan perakaunan
b. Memastikan segala peraturan yang ditetapkan oleh Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling berkaitan dipatuhi
c. Menyedia dan membentang laporan berkaitan dengan kewangan dan perakaunan.

VISI UNIT KEWANGAN

Berazam menjadi Unit Kewangan terunggul, berhemah dan profesional seterusnya melaksanakan amalan pengurusan kewangan terbaik

MISI UNIT KEWANGAN

Mengendalikan khidmat pengurusan kewangan yang cekap, cepat, amanah dan bertanggungjawab selaras dengan objektif dan misi PKT

CARTA ORGANISASI UNIT KEWANGAN



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI UNIT KEWANGAN SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI	3 Januari 2018	MESYUARAT JPKA BIL 4/2017	Bilik Persidangan	Politeknik
FEBRUARI	4 Februari 2018	NAZIRAN E-SPKB	Bilik Persidangan	JANM TRG
MAC	18 Mac 2018	MESYUARAT UNIT KEWANGAN BIL 1/2018	Unit Kewangan	Politeknik
APRIL	2 April 2018	MESYUARAT JPKA BIL 1/2018	Bilik Persidangan	Politeknik
MEI	28 Mei 2018	MESYUARAT UNIT KEWANGAN BIL 2/2018	Unit Kewangan	Politeknik
JULAI	2 Julai 2018	MESYUARAT JPKA BIL 2/2018	Bilik Persidangan	Politeknik
OGOS	29 Julai - 2 Ogos 2018	AUDIT DALAM KPT	Bilik Persidangan	Politeknik
	6 Ogos 2018	PERBINCANGAN UNIT KEWANGAN		
OKTOBER	3 Oktober 2018	MESYUARAT JPKA BIL 3/2018	Bilik Persidangan	Kementerian
DISEMBER	10 Disember 2018	MESYUARAT UNIT KEWANGAN BIL 3/2018	Unit Kewangan	Politeknik

STATISTIK PEMBAYARAN DI UNIT KEWANGAN



1 PRESTASI PEMBAYARAN BIL POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Bil	Bulan	Bil. Hari	Bilangan Bil	%
1	Januari	< 7 Hari	0	0
2	Februari	< 7 Hari	62	100
3	Mac	< 7 Hari	150	100
4	April	< 7 Hari > 7 Hari	157 2	99 1
5	Mei	> 7 Hari	129	100
6	Jun	< 7 Hari	55	100
7	Julai	< 7 Hari	155	100
8	Ogos	< 7 Hari	11	100
9	September	< 7 Hari	160	100
10	Oktober	< 7 Hari	127	100
11	November	< 7 Hari	235	100
12	Disember	< 7 Hari	222	100
***% Pembayaran Bil Dalam Masa 7 hari sehingga 31 DISEMBER 2018**			**1465**	**100%**

STATISTIK PEMBAYARAN DI UNIT KEWANGAN

2 PERBELANJAAN BAGI BELANJAWAN MENGURUS POLITEKNIK KUALA TERENGGANU





Pengauditan Pengurusan Kewangan oleh Pasukan Audit Dalam KPT pada 29 Julai hingga 2 Ogos 2018

Naziran ESPKB Pada 4 Februari 2018



WAR ROOM

Editor : Nadiana bt Ariffin

PENGENALAN

War Room Politeknik Kuala Terengganu (WR PKT) ialah sebuah bilik yang menempatkan semua maklumat kritikal yang berkaitan dengan Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Penubuhan War Room di PKT bermula pada 7 Ogos 2012 dengan pelantikan pegawai khas WR manakala perasmiannya disempurnakan oleh Ketua Pengarah JPP, Yg. Berusaha Dato' Mejar (K) Hj. Md Nor bin Yusof pada 18 November 2012 dalam siri lawatan beliau ke PKT.

Pada awal Januari 2014 , pengoperasian WR telah diberi nafas baru dengan pengaktifan semula operasi Bilik Gerak Gempur (War Room) di lokasi yang serba baharu sesuai dengan imej korporat dan sebagai nadi utama politeknik. Pada 16 Jun 2015 WR PKT telah menerima kunjungan Ketua Pengarah Jabatan Pendidkan Politeknik (JPP) pada masa itu, iaitu Y. Bhg. Datuk Haji Mohlis bin Jaafar bersama dengan Y. Bhg. Dr. Naimah binti Md. Khalil, Pengarah Bahagian Perancangan Politeknik, JPP.

WR PKT juga sekali lagi telah menerima kunjungan Y. Bhg. Dato' Haji Md. Nor bin Yusof yang merupakan Pengarah Politeknik Ungku Omar (PUO) dalam siri perkongsian strategik PUO-PKT dalam usaha menambahbaik operasi di WR PKT khususnya.

Sesuai dengan sifatnya sebagai satu alat pengurusan (management tool), kini WR PKT telah mengorak langkah untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dan data secara dalam talian (on-line) dengan mengaplikasikan proses perkongsian dan pengemaskian data melalui aplikasi Dropbox. Kaedah ini menjadikan lebih banyak alternatif disediakan untuk membolehkan pemilik proses mengakses maklumat berpusat di samping menjadikan proses capaian maklumat lebih cepat, mudah dan menjimatkan kertas seiring dengan kelestarian teknologi hijau yang mesra alam sekitar.

OBJEKTIF WAR ROOM

a. Menjadi alat pengurusan (management tool) bagi membantu pihak pengurusan PKT memantau dan menguruskan semua indikator petunjuk prestasi (KPI - Key Performance Indicator) dengan lebih baik.
b. Merupakan lokasi pemantauan berpusat terhadap semua perkara-perkara penting dan kritikal di PKT dengan pengumpulan maklumat-maklumat tersebut di sebuah bilik khas di lokasi yang strategik.
c. Menjadi nadi politeknik dan memberikan impak terbaik bagi impresi kali pertama sesuai dengan gambaran imej korporat pada kaca mata warga politeknik dan pihak luar.

KEMUDAHAN DI WAR ROOM

a. Bilik Paparan Data Utama @ Main Showroom
   - Meja Pameran Kaca
   - Dashboard A-E
   - Paparan TV Digital LED 42"
   - Mesin pencetak berwarna A3
   - Meja dan kerusi petugas WR

b. Bilik Mesyuarat War Room
   - Meja & kerusi mesyuarat muat untuk 8 orang
   - Paparan TV Digital LED 42"
   - Flip Chart Board
   - Mesin fotostat

c. 5.3 Bilik Pegawai WR

MOTO WAR ROOM

"War Room Adalah Nadi Politeknik!"

CARTA ORGANISASI WAR ROOM



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI WAR ROOM SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
FEBRUARI	11 Februari 2018	Mesyuarat Unit Peperiksaan	Bilik Mesy. WR	PKT
	14 Februari 2018	Mesyuarat UPS Bil.1/2018	Bilik Mesy. WR	PKT
MAC	07 Mac 2018	Perbincangan Penbangunan Video Pembelajaran Unit Keusahawanan	Bilik Mesy. WR	PKT
	12 Mac 2018	Perlaksanaan KPI IR4	Bilik Mesy. WR	Kebangsaan
	13-15 Mac 2018	Bengkel Video P&P Unit Keusahawanan	Bilik Mesy. WR	PKT
	21 Mac 2018	Bengkel Pengukuhan Matematik	Bilik Mesy. WR	PKT
APRIL	04 April 2018	Perbincangan Bersama Politeknik Hulu Terengganu	Bilik Mesy. WR	PKT
	16 April 2018	Lawatan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pendidikan Politeknik	War Room PKT	PKT
	22 April 2018	Mesyuarat AJK Buku Program KIK 2018 Bil.1	Bilik Mesy. WR	PKT
	23 April 2018	Membuka Sebutharga	Bilik Mesy. WR	Kebangsaan
	29 April 2018	Mesyuarat Unit Pembangunan BPP	Bilik Mesy. WR	PKT
MEI	23 Mei 2018	Mesyuarat AJK Buku Program KIK 2018 Bil.2	Bilik Mesy. WR	PKT
	27 Mei 2018	Perbincangan Konvensyen KIK 2018 (JK panel Juri)	Bilik Mesy. WR	PKT
JUN	27 Jun 2018	Mesyuarat AJK Buku Program KIK 2018 Bil.3	Bilik Mesy. WR	Kebangsaan
JULAI	01 Julai 2018	Lawatan Ketua Pengarah JPPKK, Prof. Dato' Dr. Mohd Ismail bin Abd. Aziz ke WR PKT	WR	PKT
	04 Julai 2018	Mesyuarat AJK War Room Bilangan 1/2018	Bilik Mesy. WR	PKT
	25 Julai 2018	Mesyuarat AJK Buku Program KIK 2018 Bil.4	Bilik Mesy. WR	Kebangsaan
OGOS	01 Ogos 2018	Mesyuarat AJK kecemasan Karnival Sukan Politeknik 2018	Bilik Mesy. WR	PKT
OKTOBER	18 Oktober 2018	Mesyuarat Koperasi PKT	Bilik Mesy. WR	PKT
NOVEMBER	05 November 2018	Mesyuarat Buka Sebutharga Kebersihan	Bilik Mesy. WR	PKT
	13 November 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal (sebutharga kebersihan)	Bilik Mesy. WR	PKT
	15 November 2018	Mesyuarat Unit Kecemerlangan Akademik	Bilik Mesy. WR	PKT
	28 November 2018	Mesyuarat AJK War Room Bilangan 2/2018	Bilik Mesy. WR	PKT
DISEMBER	02 Disember 2018	Lawatan Tuan Pengarah PKT yang baharu, Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa ke WR PKT	WR	PKT
	30 Disember 2018	Mesyuarat Unit Sistem Maklumat	Bilik Mesy. WR	PKT
2018	Januari - Disember	Pengemaskinian Data dan Indikator secara bulanan/berkala bagi Dashboard A-E di WR	Showroom WR	PKT



STATISTIK PENGGUNAAN BILIK MESYUARAT WAR ROOM PKT 2018









Lawatan Prof Dato' Ts Dr Mohd Ismail Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah JPPKK pada 1 Julai 2018

Lawatan Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub, TKPO JPP ke WR PKT pada 16 April 2018















› *Lawatan Pengarah Baharu PKT, Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa pada 2.12.2018*





POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

AKADEMIK

2018

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Editor : Wan Noor Aishah bt. Wan Chek

PENGENALAN

Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) merupakan jabatan induk yang pertama ditubuhkan di Politeknik Kuala Terengganu. Dengan rasminya ia telah ditubuhkan pada 1 Januari 1999 di bawah konsep kampus dalam kota. Terdapat dua Program yang ditawarkan pada masa sekarang iaitu :

a. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP)
b. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE)

Program DEP mula ditawarkan pada Jun 2010. Sehingga akhir tahun 2018 sebanyak tiga belas (13) batch telah tamat pengajian dalam program DEP. Program DEP ini juga telah mendapat pengiktirafan daripada MQA (Malaysian Qualification Agency) pada tahun 2012.

Program DEE pula mula ditawarkan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PKT pada Jun 2014. Sehingga akhir tahun 2018 jabatan telah mempunyai sepuluh (10) batch pelajar dalam program ini. Program DEE ini juga telah mendapat pengiktirafan daripada MQA (Malaysian Qualification Agency) pada tahun 2017.

OBJEKTIF JKE

Kejuruteraan Elektrik merupakan satu cabang kejuruteraan yang menitikberatkan aplikasi amali dalam bidang rekabentuk, pembuatan dan operasi litar elektronik, komponen elektronik, penyiaran dan sistem telekomunikasi yang beroperasi pada voltan rendah sebagai sebahagian daripada daya penggeraknya.

Objektif program ini selari dan menyokong visi dan misi Politeknik kerana program ini membolehkan graduan bukan sahaja menguasai pengetahuan dan kemahiran teknikal dan vokasional, bahkan berupaya mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan dalam bidang Kejuruteraan Elektronik untuk pembangunan negara.

MISI JKE

Misi utama jabatan adalah untuk menghasilkan tenaga kerja separa profesional dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta melalui penggembelengan tenaga secara profesional dan bersepadu dengan sistem pendidikan yang sistematik dan berkualiti. Ini bersesuaian dengan hasrat jabatan yang ingin melahirkan pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap dan cemerlang sama ada dari segi teori mahupun kemahiran, selain ketrampilan dan sahsiah diri yang terbaik.

KEMUDAHAN

a. Bilik Kuliah A-G (Jalan Engku Sar)
b. Makmal dan Bengkel (Bangunan Induk)
c. Makmal Telekomunikasi
d. Makmal Kuasa
e. Makmal Teknologi Elektrik
f. Bengkel Pendawaian
g. Makmal Baikpulih
h. Bengkel Projek
i. Makmal Elektronik
j. Makmal ECAD
k. Makmal Rangkaian

CARTA ORGANISASI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI	21 Januari 2018	KURSUS PENGGUNAAN PERALATAN "OSCILLOSCOPE & FIBER OPTIC"	BILIK MESYUARAT JKE	JABATAN
	29 Januari 2018	BENGKEL MYTVET INSTRUMEN	MAKMAL RANGKAIAN JKE	JABATAN
FEBRUARI	11 Februari 2018	PROGRAM PSH DENGAN KOLEJ VOKASIONAL KUALA TERENGGANU	BILIK TAYANGAN DAN MAKMAL JKE	JABATAN
	25 Februari 2018	PROGRAM PSH DENGAN KOLEJ VOKASIONAL KUALA TERENGGANU	BILIK TAYANGAN DAN MAKMAL JKE	JABATAN
	26 Februari 2018	KURSUS "GREEN CARD" CIDB	DEWAN UTAMA PKT	JABATAN
	28 Februari 2018	LAWATAN KE TASIK KENYIR	TNB SULTAN MAHMUD, KENYIR	JABATAN
APRIL	16 April 2018	BENCHMARKING ETAC@UMP PEKAN PAHANG	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	JABATAN
	16 - 19 April 2018	PRA-KELAYAKAN WORLDSKILL MALAYSIA	CIAST SHAH ALAM	KEBANGSAAN
MEI	28 April - 3 Mei 2018	PERTANDINGAN FIRA MALAYSIA CUP 2018	POLITEKNIK MERSING	KEBANGSAAN
	30 April - 3 Mei 2018	BENGKEL PENULISAN SAR	KUALA LUMPUR	JABATAN
	21 - 22 Mei 2018	MOCK AUDIT ETAC PROGRAM DEP	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	JABATAN
	22 Mei 2018	MESYUARAT IAP JKE PKT	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	JABATAN
JULAI	1 Julai 2018	TAKLIMAT PPI OLEH PIHAK INDUSTRI	DEWAN UTAMA PKT	JABATAN
	4 Julai 2018	TAKLIMAT OBE	DEWAN UTAMA PKT	JABATAN
	4 Julai 2018	ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA 2018		
OGOS	19 Ogos 2018	PERBINCANGAN JKE PKT DENGAN INDUSTRI INFRADATA	BILIK MESYUARAT JKE	JABATAN
	24 Ogos 2018	SEMINAR PERKONGSIAN ILMU KOLABORASI NUSANTARA	POLITEKNIK NEGERI PADANG, INDONESIA	ANTARABANGSA
	30 Ogos 2018	PERBINCANGAN JKE PKT DENGAN INDUSTRI INFRADATA KALI KE2	BILIK MESYUARAT JKE	JABATAN
SEPTEMBER	1 September 2018	BENGKEL PROJECT MANAGEMENT AND FINANCE	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	JABATAN
	4 September 2018	PENYEDIAAN DAN SEMAKAN DOKUMEN CQI PROGRAM DEP	BILIK MESYUARAT JKE	JABATAN
	5 September 2018	TAKLIMAT OBE DAN ETAC BERSAMA STAFF AKADEMIK DAN PENOLONG JURUTERA	DEWAN UTAMA PKT	JABATAN
	18 September 2018	TAKLIMAT PERSEDIAAN AUDIT ETAC UTK STAFF SOKONGAN	DEWAN UTAMA PKT	JABATAN
	17 - 20 September 2018	POLYSKILL 2018	POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH	JABATAN
	22 September 2018	MAJLIS TANDATANGAN KERJASAMA JKE DENGAN INDUSTRI INFRADATA SDN BHD.	KUALA TERENGGANU	JABATAN
OKTOBER	1 - 2 Oktober 2018	AUDIT ETAC PROGRAM DEP	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	JABATAN
	10 Oktober 2018	PEMBENTANGAN PROJEK 1(SEM4) DAN PROJEK 2(SEM5) JKE PKT	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	JABATAN
	24 - 25 Oktober 2018	PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI SKOP FIBER OPTIK	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	JABATAN
NOVEMBER	14 November 2018	PERBINCANGAN BERKAITAN KEMAJUAN LATIHAN DAN KENDIRI STAFF/PELAJAR UNTUK PENINGKATAN PROFESIONAL.	ABM JENAGOR	JABATAN
	21 - 24 November 2018	KURSUS BUILDING WIRING INSTALLATION	ABM JENAGOR	JABATAN
	25 - 29 November 2018	KURSUS AIR CONDITIONING AND MECHANICAL VENTILATION (ACMV)	ABM JENAGOR	JABATAN
DISEMBER	18 Disember 2018	BENGKEL PENYELIAAN PROJEK PELAJAR	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	JABATAN
	27 Disember 2018	MESYUARAT PANEL PENASIHAT INDUSTRI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK, POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	JABATAN

Pencapaian 2018



Pensyarah

JOHAN
KIKHB-2018

Kategori Penyampaian Perkhidmatan Konvensyen KIK Horizon Baharu Peringkat Kebangsaan Politeknik & Kolej Komuniti Malaysia 2018



Pensyarah

KETIGA
KIKHB-2018

Pameran Konvensyen KIK Horizon Baharu Peringkat Kebangsaan Politeknik & Kolej Komuniti Malaysia 2018

Pelajar

ANUGERAH
Harta Intelek Negara

Harta Intelek Negara 2018
Kategori Perekacipta Harta Intelek (PHI)



Pelajar

KETIGA
FIRA 2018

Kategori SIMUROSOT
Pertandingan FIRA Malaysia Cup 2018




SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL
BERKELOMPOK CIDB


KELUAR
KELUAR
Majlis
MAKAN MALAM ALUMNI
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU




11th EDITION
FIRA
MALAYSIA CUP 2018
DATE : 28th April - 3rd May 2018
VENUE : Politeknik Mersing, Johor
Robosport : Battle of the Bots
www.fira@pmj.edu.my
@FiraPoliteknikMalaysia
FiraPolitekniMalaysia
KPMJB
astanadigital




SEMINAR
PERKONGSIAN ILMU
KOLABORASI NUSANTARA







JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Editor : Norlia binti Embong

PENGENALAN

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) mula beroperasi pada Mac 2008. JTMK ditempatkan di bangunan Jalan Air Jernih, Kuala Terengganu berasingan daripada bangunan induk Politeknik Kuala Terengganu. Pada tahun 2018, JTMK mempunyai seramai 25 orang staf akademik dan 2 orang staf sokongan. Manakala jumlah bilangan pelajar adalah seramai 377 orang pada sesi Disember 2017 serta 382 orang pada sesi Jun 2018.

Pada pertengahan tahun 2009, Program Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) telah ditawarkan di JTMK bagi menampung keperluan negara dan industri dalam melahirkan pelajar separa mahir dalam bidang teknologi maklumat. Bermula sesi Jun 2015 pula, JTMK telah menawarkan Program Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian) dengan pengambilan pertama seramai 29 orang pelajar.

Seiring dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang merupakan agenda negara, Program Diploma Teknologi Digital (DDT) telah diperkenalkan menjadi satu program baru bagi memenuhi prinsip NBOS. Program ini dilaksanakan di seluruh Politeknik Malaysia bermula sesi Jun 2016.

OBJEKTIF JTMK

a. Menyediakan latihan berkualiti dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.
b. Mewujudkan hubungan baik dengan pihak industri.
c. Memastikan sumber tenaga kerja mencukupi, keterampilan, relevan & seimbang.
d. Mengamalkan pengurusan cemerlang.
e. Mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

VISI JTMK

Menyediakan pendidikan bertaraf dunia serta latihan untuk golongan sub-profesional dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

MISI JTMK

JTMK berhasrat menyediakan latihan dan pendidikan yang berkualiti sejajar dengan perubahan teknologi dan permintaan pelanggan melalui kerja berpasukan dan penambahbaikan.

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

Kemudahan yang terdapat di jabatan ini adalah seperti berikut :

a. Bilik Kuliah 1 dan 2
b. Makmal Sistem Komputer dan Digital (MSKD)
c. Makmal Pembangunan Aplikasi (MPA)
d. Maklmal Projek (MPRO)
e. Makmal Teknologi Maklumat 1 (MIT1)
f. Makmal Teknologi Maklumat 2 (MIT2)
g. Makmal Teknologi Maklumat 3 (MIT3)
h. Makmal Komunikasi dan Rangkaian (MKR)
i. Makmal Hypermedia (MHM)

Perkhidmatan yang disediakan bagi kemudahan pelajar :

a. Kemudahan Internet
b. Rangkaian Tanpa Wayar (WiFi)
c. Pencetak
d. Kamera Video Digital
e. Barcode Printer dan Scanner
f. Touch Screen Monitor

CARTA ORGANISASI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI	31 Januari 2018	Bengkel Semakan Fail Kursus	Politeknik Kuala Terengganu	Jabatan
APRIL	24 April 2018	Seminar Perkongsian Ilmu sempena Kolaborasi Nusantara 2018 Politeknik Negeri - Disertai 3 orang pensyarah dan 4 orang pelajar - Pembentangan Kertas Kajian dan Penyelidikan dan pameran Inovasi	Politeknik Negeri Padang	Antarabangsa
JULAI	16 - 17 Julai 2018	iDBOS'18 : Pertandingan Inovasi Dan Pameran Bos IPGKDA Peringkat Kebangsaan 2018 - Disertai 2 orang pensyarah - Pembentangan inovasi pensyarah bagi kategori Pertandingan Inovasi Pendidikan	Dewan Besar, IPG Kampus Darulaman	Kebangsaan
SEPTEMBER	17 - 20 September 2018	Pertandingan Kemahiran Politeknik Malaysia (Polyskill) 2018	Politeknik Sultan Idris Shah	Kebangsaan
NOVEMBER	17 - 18 November 2018	Fast Track GLOW @ MDEC	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	26 - 28 November 2018	BENGKEL *HACK IT YOUR'S MOBILE APPS (24 HOURS)*	Politeknik Kuala Terengganu	Jabatan

PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI 2018 (DDT)				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI	23 Januari 2018	Bengkel keusahawanan bersama ALIKHSAN SPORT SDN BHD	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	2
FEBRUARI	8 Februari 2018	Bengkel Pengukuhan Pengaturcaraan C++ bersama SOFTBRAVODOT NET	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	7
FEBRUARI & MAC	28 Feb dan 1 Mac 2018	Bengkel pemantapan projek pelajar bersama WEB CREATIVE SOLUTION SDN BHD	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	8
JUN & JULAI	30 Jun – 1 Julai 2018	Sesi Talk bersama industry bersama WEB CREATIVE SOLUTION, MYSOFTCARE SOLUTIONS SDN BHD	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	16

Jumlah Jam Interaksi Program Pensyarah Pelawat Industri 2018 (DDT) :* ***33 jam*

Penerbitan dan Pembentangan 2018



Judul : **"Quickdrill For Computer sistem Architecture"**
Penulis : ***Adibah Ali & Sharmilla Sulong***



Judul : ***"Get Real For 10 Weeks!", A Java Web Programming Practices***
Penulis : ***Suhaila Mohd Zain***



4 Kertas Kajian dan Penyelidikan telah dibentangkan serta telah menyertai pameran inovasi di **"Seminar Perkongsian Ilmu sempena Kolaborasi Nusantara 2018"** Politeknik Negeri Padang, Indonesia.





Sesi Talk bersama Encik Mohd Yahya Al -Haq bin Muslan, Pengarah Urusan MySoftcare Solution Sdn. Bhd dengan pelajar semester satu dan dua program Diploma Digital Technology



Peserta dari Politeknik Kuala Terengganu yang menyertai iDBOS'18 : Pertandingan Inovasi Dan Pameran Bos IPGKDA Peringkat Kebangsaan 2018 bergambar bersama Pengadil Pertandingan Inovasi Pendidikan.



Diantara gerai pameran dari pelbagai institusi lain yang menyertai pertandingan iDBOS'18.





Sekitar perjalanan Bengkel Hack It Your's Mobile Apps (24 Hours).





Contoh antaramuka aplikasi bagi telefon pintar yang dihasilkan oleh peserta Bengkel Hack It Your's Mobile Apps (24 Hours).

JABATAN MATEMATIK SAINS & KOMPUTER

Editor : Norhayati binti Ismail

PENGENALAN

Jabatan Matematik Sains dan Komputer (JMSK) merupakan jabatan Sokongan yang pertama ditubuhkan di Politeknik Kuala Terengganu. Dengan rasminya ia telah ditubuhkan pada 1 Januari 1999 di bawah konsep kampus dalam kota. Dengan kapisiti sebagai Jabatan sokongan JMSK menjadi sebagai pelengkap kepada pogram di Politeknik Kuala Terengganu (PKT) .Terdapat beberapa Program di PKT yang JMSK terlibat pada masa sekarang iaitu :

a. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) – DEP
b. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik – DEE
c. Diploma Teknologi Maklumat (Pengatucaraan) – DDT
d. Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian) – DNS

Program di atas merangkumi dua jabatan induk di PKT iaitu dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) dan Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi. Sehingga akhir tahun 2018 sebanyak duabelas (12) batch telah tamat pengajian. Programprogram ini juga telah mendapat pengiktirafan daripada MQA (Malaysian Qualification Agency) pada tahun 2012.

OBJEKTIF JMSK

JMSK merupakan satu cabang jabatan yang menitikberatkan aplikasi teori dalam aspek pengiraan kejuruteraan dan teknologi telekomunikasi yang menyokong Jabatan Kejuruteraan Eletrik dan Jabatan Teknologi Maklumat PKT.

Objektif program ini selari dan menyokong visi dan misi Politeknik kerana program ini membolehkan graduan bukan sahaja menguasai pengetahuan dan kemahiran teknikal dan vokasional, bahkan berupaya mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan dalam bidang Kejuruteraan untuk pembangunan negara.

MISI JMSK

Misi utama jabatan adalah untuk menghasilkan tenaga kerja separa profesional dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Teknologi Maklumat bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta melalui penggembelengan tenaga secara profesional dan bersepadu dengan sistem pendidikan yang sistematik dan berkualiti. Ini bersesuaian dengan hasrat jabatan yang ingin melahirkan pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap dan cemerlang sama ada dari segi teori mahupun kemahiran, selain ketrampilan dan sahsiah diri yang terbaik.

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

a. Bilik Kuliah A-G (Bangunan Baru di Jalan Engku Sar)
b. Makmal dan Bengkel (Di Bangunan Induk)
    i. Makmal Komputer
    ii. Makmal Sains

CARTA ORGANISASI JABATAN MATEMATIK SAINS & KOMPUTER



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI JABATAN MATEMATIK SAINS DAN KOMPUTER SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
FEBRUARI	15 - 16 Februari 2018	BENGKEL MINGGU JAWI 2018 PKT	PERPUSTAKAAN PKT POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	Politeknik
MAC	21 Mac 2018	BENGKEL PENGUKUHAN KURSUS MATEMATIK	MAKMAL KOMPUTER POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	Jabatan
APRIL	22 April 2018	BENGKEL PEMANTAPAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)	MAKMAL KOMPUTER POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	Jabatan
OGOS	15 - 17 Ogos 2018	BENGKEL PERMURNIAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	DEWAN UTAMA PKT	Jabatan

PENCAPAIAN DAN PRESTASI

PINGAT EMAS
KIKHB-2018

Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2018





NAIB JOHAN
KIKHB-2018

Kategori Penyampaian Perkhidmatan Sosial Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2018

PENCAPAIAN JMSK







Program

Minggu Jawi

2018

ڤروگرام مينگڬو جاوي 2018

28 JAN - 1 FEB 2018

AKTIVITI PROGRAM MINGGU JAWI 2018:

- KELAS KHAT
- PERTANDINGAN MEWARNA POSTER JAWI
- PERTANDINGAN TULISAN JAWI TERCANTIK
- TEKA SILANG KATA JAWI
- PERTANDINGAN MEMBACA PETIKAN JAWI PALING LANCAR
- PENGUMPULAN AL-QURAN/ AYAT QURAN KOYAK/ ROSAK UNTUK DILUPUSKAN
- PAMERAN & JUALAN CENDERAHATI KHAT

Anjuran Oleh JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER Bersama UNIT PERPUSTAKAAN

JABATAN PENGAJIAN AM

Editor : Nadiana bt Ariffin

PENGENALAN

Jabatan Pengajian Am merupakan salah satu jabatan sokongan di Politeknik Kuala Terengganu,berfungsi untuk membekalkan pelajar pengetahuan tentang Pengajian umum.bertempat di aras dua, bangunan Jalan Engku Sar Jalan Air Jernih Kuala Terengganu. Jabatan ini mempunyai 14 orang staf dan pensyarah dalam bidang Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam.

OBJEKTIF JTMK

Jabatan Pengajian Am Politeknik Kuala Terengganu berhasrat melahirkan pelajar dan pemimpin yang berwibawa dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan bidang Teknologi Maklumat melalui proses berikut:

a. Membentuk sahsiah dan ketrampilan pelajar yang berlandaskan ajaran Islam.
b. Melahirkan pelajar yang seimbang dari sudut emosi, rohani, intelektual serta memiliki akhlak yang mulia.
c. Meningkatkan penguasaan dan kebolehan berbahasa Inggeris agar mampu bersaing di peringkat global.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI JABATAN PENGAJIAN AM SEPANJANG TAHUN 2018

BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM /AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
MAC	27 Mac 2018	BENGKEL KREATIF JAWI	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
OGOS	8-9 Ogos 2018	BORNEO ENGLISH LANGUAGE CARNIVAL	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	15 Ogos 2018	POLY E-CUP		
	25 Ogos 2018	SAYA ANAK MALAYSIA		
SEPTEMBER	5 September 2018	BENGKEL ASAS FEQAH SIRI 1	Kem Damai Besut - Terengganu	Politeknik
	6 - 7 September 2018	ENGLISH CAMP	Politeknik Kuala Terengganu	
	24 - 27 September 2018	ENGLISH WEEK	Politeknik Kuala Terengganu	
	29 September 2018	BENGKEL SAINS TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN DALAM ISLAM	Politeknik Kuala Terengganu	
OKTOBER	4 Oktober 2018	BENGKEL ASAS TAJWID	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	25 - 26 Oktober 2018	KEM JPA	Lata Belatan, Besut - Terengganu	

CARTA ORGANISASI JABATAN PENGAJIAN AM



UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK

Editor : Wan Noor Aishah bt. Wan Chek

PENGENALAN

Unit Kecemerlangan Akademik (UKA) pada awal penubuhannya iaitu pada tahun 2007 dikenali dengan Unit Kualiti dengan fungsi utamanya mengurus pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di PKT. Kini, UKA berperanan merancang, melaksana dan memantau keberkesanan pelaksanaan jaminan kualiti akademik dan program-program berkaitan pengurusan kualiti bagi menerapkan budaya bekerja cemerlang serta mengamalkan penambahbaikan secara berterusan kearah merealisasikan visi, misi dan dasar kualiti PKT. Bagi memastikan program-program yang ditawarkan mencapai standard dan kriteria yang ditetapkan dan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia, PKT komited dalam memastikan kesemua program yang ditawarkan di politeknik disenaraikan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR). Melalui UKA, PKT juga telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik pelaksanaan semula kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Langkah ini selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi–agensi sektor awam melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam.

SUB UNIT

Lima sub-unit berada dalam UKA adalah:

a. Pengurusan Kualiti ISO - standard MS ISO 9001:2015 ditetapkan oleh Jabatan Standard Malaysia
b. Akreditasi - standard akreditasi program yang ditetapkan oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA), Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) dan Malaysia Board of Technologists (MBOT)
c. EKSA - standard ditetapkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
d. PolyPMO - standard ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik
e. Polyrate - standard ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi

CARTA ORGANISASI UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI	21 Januari 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	14 - 17 Januari 2018	Audit Kualiti Dalaman Bil 2/2017		
	29 Januari 2018	Bengkel Pengurusan KPI Jabatan Dan Institusi 2018 Dan Sistem ePMO	Bahagian Khidmat Pengurusan - JPP	JPP
FEBRUARI	5 Februari 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	8 Februari 2018	Makluman Audit EKSA		
	19 - 21 Februari 2018	Audit Pensijilan Semula & Menaik Taraf Standard Baharu MS ISO 9001:2015		
MAC	7 Mac 2018	Lawatan pegawai JPP bagi persediaan audit akreditasi penuh MQA bagi program Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian)-DNS	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	12 Mac 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)		
	18 - 19 Mac 2018	Lawatan Panel Penilai MQA bagi audit akreditasi penuh MQA untuk program Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian)-DNS		
APRIL	3 April 2018	Makluman Pelan Tindakan Ke Arah Persijilan EKSA tahun 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
MEI	30 - 31 Mei 2018	Pengumpulan Data PolyRate 2017 Bagi Tujuan Simulasi 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	13 Mei 2018	Audit Dalaman EKSA PKT		
OGOS	13 Ogos 2018	Audit Kualiti Dalaman Bil.1/2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
OKTOBER	1 - 2 Oktober 2018	Lawatan Panel Penilai ETAC bagi audit akreditasi penuh untuk program Diploma Kejuruteraan Elektronik(Perhubungan)-DEP	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
DISEMBER	16 Disember 2018	Mesyuarat Bersama Ketua Jawatankuasa dan Setiausaha Zon EKSA	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

* Tahun 2017 (Penetapan KPI Dalaman PKT)
* Markah Rasmi Pencapaian KPI PolyPMO Tahun 2018 PKT belum dikeluarkan semasa laporan tahunan ini diterbitkan.



Taklimat kepada semua staf



Lawatan bilik operasi dan semakan fail kursus



Lawatan pegawai JPP bagi persediaan audit akreditasi penuh MQA bagi program DNS pada 7/3/2018

Lawatan pegawai JPP bagi persediaan audit akreditasi penuh MQA bagi program DNS pada 7/3/2018



Mesyuarat penutup



Temuduga pelajar

Mesyuarat pembukaan



Audit Pensijilan Semula & Menaik Taraf Standard Baharu MS ISO 9001:2015

Lawatan ke perpustakaan



Lawatan Panel Penilai ETAC bagi audit akreditasi penuh untuk program Diploma Kejuruteraan Elektronik(Perhubungan)-DEP pada 1-2/10/2018



Juruaudit SIRIM QAS, Cik Hajah Hanida melaksanakan pengauditan terhadap sistem pengurusan kualiiti PKT



Sesi pengauditan berlangsung di Jabatan Kejuteraan Elektrik

UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI (UPLI)

Editor : Wan Noor Aishah bt. Wan Chek

PENGENALAN

Latihan industri (LI) adalah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Bagi meningkatkan tahap mampu kerja para graduan, program LI diperkenalkan untuk memperkasa kompetensi yang diperlukan.

Kursus LI memberi pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan untuk menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasarannya.
Kursus ini memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dari segi perkembangan teknologi, komunikasi yang berkesan, amalan kerja berpasukan, polisi-polisi, prosedur dan peraturan-peraturan, perspektif professional dan pelaporan. Kursus ini akan membina semangat dan sikap yang proaktif di kalangan pelajar dan seterusnya meningkatkan keyakinan mereka untuk menjadi pelatih yang cemerlang.

OBJEKTIF UPLI

a. Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan di tempat kerja.
b. Berkomunikasi secara berkesan dengan pelbagai perigkat
c. Mengamalkan kerja berpasukan
d. Profesional dan beretika dalam mematuhi dasar-dasar, prosedur dan kaedah-kaedah di dalam organisasi.
e. Menerangkan tugas-tugas yang diberikan (semasa LI)mengikut format yang ditetapkan.

CARTA ORGANISASI UPLI



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI - MAC	30 Januari 2018	Mesyuarat UPLI 1	Bilik ULPL	Unit
	22 Januari 2018 sehingga 23 Mac 2018	Lawatan Penyeliaan LI 1	Seluruh Tempat Pelajar LI	Organisasi LI
	13 Mac 2018	Taklimat LI 2	Bilik ULPL	Unit
APRIL	13 April 2018	Pelajar Sesi Disember 2017 Tamat LI		Politeknik
	10 April 2018	Mesyuarat UPLI 2		Unit
	16 April 2018	Pendaftaran Tamat & Penilaian LI		Jabatan
JULAI		SESI JUN 2018 *Latihan Industri Sesi Jun 2018 Bermula 2 Julai 2018 Hingga 16 November 2018*		Organisasi LI
	24 Julai 2018	Taklimat LI 1		Unit
SEPTEMBER	04 September 2018	Mesyuarat UPLI 1	Bilik ULPL	Unit
	3 September 2018 sehingga 30 September 2018	Lawatan Penyeliaan LI 1	Seluruh Tempat Pelajar LI	Organisasi LI
OKTOBER	23 Oktober 2018	Taklimat LI 2	Dewan Utama PKT	Unit
	23 Oktober 2018	Mesyuarat UPLI 2	Bilik ULPL	Unit
NOVEMBER	16 November 2018	Pelajar Sesi Jun 2018 Tamat LI		Organisasi LI
	19 November 2018	Pendaftaran Tamat LI & Pembentangan LI		Jabatan

STATISTIK DI UPLI

1 PERATUS PELAJAR PKT MENJALANI LATIHAN INDUSTRI MENGIKUT NEGERI



2 PERATUS PENCAPAIAN PELAJAR LI



UNIT PEPERIKSAAN

Editor : Wan Noor Aishah bt. Wan Chek

PENGENALAN

Unit Peperiksaan merupakan sebuah Unit Sokongan Akademik yang bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan melaksanakan segala aktiviti yang berkaitan dengan penyelarasan dan mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti peperiksaan dan persijilan serta penilaian pelajar berpandukan kepada garis panduan dan peraturan penilaian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pentaksiran & Persijilan, Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa.

Unit ini juga diamanahkan untuk memastikan segala aspek berkaitan dengan memberi panduan mengenai pembelajaran, penilaian, pengawalan dan perjalanan peperiksaan terutamanya kepada pelajar. Selain dari fungsi utamanya mengeluarkan keputusan penilaian kepada pelajar hasil dari keputusan Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik . Selain dari itu unit ini juga bertanggungjawab mengeluarkan Sijil kepada pelajar yang telah tamat dan pelajar yang telah lulus semua peperiksaan serta memenuhi semua kehendak kursus setelah mendapat kelulusan dari Lembaga Penganugerahan Sijil /Diploma Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Unit Peperiksaan diketuai oleh seorang Pegawai Peperiksaan dan dibantu oleh beberapa Penyelaras Peperiksaan Jabatan yang dilantik setiap dari Jabatan Akademik.

OBJEKTIF UNIT PEPERIKSAAN

a. Menyiapkan kertas peperiksaan TIGA (3) hari sebelum peperiksaan akhir bermula.
b. Memproses keputusan Penilaian dalam tempoh DUA (2) minggu selepas semester pengajian berakhir.
c. menyiapkan sijil bagi yang telah menamatkan pengajian selewat-lewatnya SATU (1) minggu sebelum majlis konvokesyen.

CARTA ORGANISASI UNIT PEPERIKSAAN



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI UNIT PEPERIKSAAN SEPANJANG TAHUN 2018		
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**
JANUARI	29 Januari 2018	Keputusan Rasmi Penilaian Khas Sesi Jun 2017
FEBRUARI	22 Februari 2018	Persidangan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik KPM bagi Sesi Jun 2017
MAC - APRIL	31 Mac - 14 April 2018	Peperiksaan Akhir Semester Sesi Disember 2017
	30 April 2018	Keputusan Rasmi Peperiksaan Akhir Semester Sesi Disember 2017
JULAI	4 Julai 2018	Keputusan Rasmi Penilaian Khas Sesi Disember 2017
OGOS	16 Ogos 2018	Persidangan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik KPM bagi Sesi Disember 2017.
OKTOBER - NOVEMBER	27 Oktober 2018 - 17 November 2018	Peperiksaan Akhir Semester Sesi Jun 2018
DISEMBER	1 Disember 2018	Keputusan Rasmi Peperiksaan Akhir Semester Sesi Jun 2018




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA
Selamat Menduduki
PEPERIKSAAN AKHIR
SESI JUN 2018 BUAT PELAJAR
POLITEKNIK MALAYSIA
kolejkomunitiHQ
politeknik malaysia
politeknik.edu







UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSILAN (UPIK)

Editor : YM Tengku Azman Bin Tengku Mohd

PENGENALAN

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan (UPIK) adalah salah satu unit sokongan kepada pengurusan Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Unit ini ditubuhkan pada tahun 2008 bagi membantu pengurusan sokongan di PKT. UPIK melibatkan tiga portfolio utama iaitu penyelidikan, inovasi dan komersilan. Ia diwujudkan bagi mencapai objektif sasaran penunjuk aras prestasi utama (KPI) PKT dan menyokong teras utama (satu, tiga dan empat) dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSTN). Di samping itu, UPIK juga bertujuan untuk merealisasikan objektif Pusat Penyelidikan dan Inovasi , Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (PPI JPPKK).

OBJEKTIF UPIK

a. Untuk menyubur dan memacu tenaga kerja agar berdedikasi, mempunyai komitmen yang tinggi dalam bidang penyelidikan dan inovasi ke arah memperkasakan bidang penyelidikan dan inovasi di PKT.
b. Membantu Politeknik Kuala Terengganu menyediakan bahan-bahan bercetak secara berkala, berita aktiviti dan pencapaian bagi edaran dalaman dan kepada pihak yang berkepentingan.
c. Untuk merancang, melaksana dan memantau proses jalinan/hubungan kolaborasi di antara jabatan/unit di PKT dengan agensi luar/industri, di samping mengenalpasti agensi luar/industri yang berpotensi.

MISI UPIK

Beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti dalam pengurusan aktiviti penyelidikan dan inovasi bagi mencapai wawasan politeknik untuk menjadi sebuah politeknik yang berinovatif.

VISI UPIK

Bertekad mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang untuk mencapai pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran dan pembelajaran penyelidikan dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.

CARTA ORGANISASI UPIK



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSILAN SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
MAC	15 Mac 2018	Pertandingan Inovasi Pelajar Sesi Disember 2017	Dewan Utama	Politeknik
	27 - 28 Mac 2018	Bengkel Penulisan Penyelidikan PKT	Bilik Seminar UPIK	
JUN	24 - 26 Jun 2018	Bengkel KIK HB Siri 1/2018	Dewan Utama	Politeknik
JULAI	1 - 3 Julai 2018	Bengkel Pengenalan IP, Paten & Komersil Produk Pelajar	Dewan Utama	Politeknik
	22 - 23 Julai 2018	Seminar penyelidikan Dan Inovasi PKT	Bilik Seminar UPIK	
OGOS	7 - 10 Ogos 2018	Konvensyen KIK 2018 HB Peringkat Kebanggan	Dewan Kenanga TER	Kementerian
OKTOBER	15 Oktober 2018	Pertandingan Inovasi Pelajar Sesi Jun 2018	Dewan Utama	Politeknik



Bengkel Penulisan Kertas Kajian

Konvensyen KIK Horizon Baharu 2018 Peringkat Kebangsaan









POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

SOKONGAN AKADEMIK

2018

CORPORATE INDUSTRIAL SERVICE AND EMPLOYMENT CENTRE (CISEC)

Editor : Norlia binti Embong

PENGENALAN

Unit Corporate Industrial Service and Employment Centre (CISEC) Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah ditubuhkan secara rasmi pada pertengahan tahun 2010. CISEC ditubuhkan sebagai pengantara dengan pihak industri, di samping menyelaras program pembangunan kerjaya dan kebolehpasaran graduan yang bertujuan untuk membantu dan meningkatkan kebolehpasaran graduan politeknik.

OBJEKTIF CISEC

a. Membantu dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan PKT.
b. Menyediakan graduan ke alam pekerjaan.
c. Membantu dalam penempatan graduan melalui perhubungan dengan pihak industri.
d. Menjalankan kajian mengenai kebolehpasaran graduan.

MISI CISEC

Membentuk jalinan perhubungan di antara pihak industri dan pihak Politeknik Kuala Terengganu bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Penubuhannya antara agenda Transformasi Politeknik iaitu meningkatkan *employability* dan kebolehpasaran graduan politeknik KPT.

KEMUDAHAN/ PERKHIDMATAN

a. Kaunseling kerjaya dan pendidikan lanjutan.
b. Perancangan kerjaya.
c. Perhubungan perindustrian dan penempatan pekerjaan.
d. Kajian pengesanan graduan dan alumni.

CARTA ORGANISASI CISEC



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI CISEC SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
MAC	13 Mac 2018	Taklimat pelajar semester akhir	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
JUN	30 Jun 2018	Karnival Kerjaya 2.0	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
JULAI	1 Julai 2018	Kursus e-Usahwan kepada pelajar semester akhir	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
OKTOBER	4 Oktober 2018	Program Myagrosis Bersama Fama Negeri Terengganu	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik

Senarai Organisasi Sempena Karnival Kerjaya

Bil	Nama Pempamer Sempena Karnival Kerjaya
1	Al-Amin Agency (Major In General & Life Takaful)
2	Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Timur
3	Jabatan Hal- Ehwal & Pembangunan Pelajar, PKT
4	Universiti Teknologi Mara (Cawangan Terengganu) Kampus Kuala Terengganu
5	Pusat Pembangunan Kemahiran Kuala Terengganu (TESDEC)
6	Universiti College Bestari
7	Pusat JobsMalaysia Kuala Terengganu





› *Pendaftaran Kerjaya Online*







› *Klinik Kerjaya*





› *Taklimat dan penerangan Karnival Kerjaya*

UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA (UPIM)

Editor : Norlia binti Embong

PENGENALAN

Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia (UPIM) atau Unit For Instructional Development and Multimedia (UIDM) berfungsi sebagai unit sokongan yang menyediakan alat-alat bantuan mengajar untuk pensyarah-pensyarah menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. UIDM juga menyediakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang boleh digunakan oleh semua warga Politeknik Kuala Terengganu bagi menjalankan aktiviti pada bila-bila masa. Untuk 2018, Unit Multimedia telah berjaya memproduksikan 8 unit video pelaporan yang di namakan sebagai PoliTV.

OBJEKTIF UPIM

a. Mengintegrasikan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran serta membimbing pensyarah menggunakan teknologi multimedia.
b. Menghasilkan sumber pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif.
c. Mewujudkan budaya penggunaan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.
d. Mempertingkatkan kualiti pendidikan teknikal di politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi.

KEMUDAHAN/ PERKHIDMATAN

Antara kemudahan yang terdapat di unit ini ialah seperti berikut:

a. i. Bilik Tayangan yang boleh menampung seramai 50 orang
b. ii. Dewan Utama yang boleh menampung seramai 180 orang
c. iii. Bilik TECC (Technology Enable Collaborative Classroom) yang berkapasiti 40 orang

Antara perkhidmatan yang disediakan ialah:

a. i. Rakaman Video dan Foto dalam dan luar kampus
b. ii. Video dan Audio Editing
c. iii. Penerbitan Dalaman
d. iv. Tayangan Video

Pinjaman peralatan seperti

a. i. LCD projector
b. ii. Televisyen
c. iii. DLSR camera
d. iv. Portable PA sistem
e. v. Mini DV Handycam

CARTA ORGANISASI UPIM



AKTIVITI YANG DIKENDALIKAN OLEH UPIM

a. Mengendalikan PA sistem sepanjang aktiviti tahunan seperti perhimpunan bulanan, ceramah, kursus dan lain-lain.
b. Mengambil gambar dan video setiap aktiviti yang dianjurkan oleh Politeknik Kuala Terengganu.
c. Membuat pembikinan video aktiviti politeknik untuk paparan dan simpanan.
d. Menerbitkan dan merekabentuk buku laporan tahunan, buletin dan pelan strategik.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN (JANUARI – JUN)

AKTIVITI UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI	2 Januari 2018	Program One Touch Point	Marang, Terengganu	Parlimen
	3 Januari 2018	Majlis Perhimpunan Bulanan Dan Majlis Persaraan Encik Hasnor	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	14 Januari 2018	Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman		
	15 Januari 2018	Bengkel Officce 365 Jmsk 2018		
	22 Januari 2018	Mesyuarat Penutup Audit Kualiti Ms Iso901 2015		
	26 Januari 2018	Rombongan Politeknik Kuala Terengganu Ke Politeknik Padang, Indonesia	Politeknik Padang, Indonesia	Antarabangsa
	28 Januari 2018	Minggu Jawi Pkt 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
FEBRUARI	1 Februari 2018	Minggu Jawi Pkt 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	7 Februari 2018	Majlis Penyampaian Watikah Perlantikkan MPP Sesi 2018		
	12 Februari 2018	Latihan Pencegahan Kebakaran PKT 2018		
	19 - 21 Februari 2018	Audit MS ISO 2001:2015		
	26 Februari 2018	Taklimat Kad Hijau		
	28 Februari 2018	Bengkel Pemantapan Bengkel Projek		
	28 Februari 2018	Lawatan PBT ke PKT		
MAC	7 Mac 2018	Penilaian Projek Akhir Pelajar JKE	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	12 Mac 2018	Mesyuarat Pembukaan Audit MQA 2018		
	13 Mac 2018	Lawatan Pelajar Sekolah ke PKT		Komuniti
	14 Mac 2018	Penilaian Projek Akhir Pelajar JTMK		
	15 Mac 2018	Pertandingan Projek Akhir Dan Minggu Inovasi Pelajar PKT 2018		Politeknik
	18 Mac 2018	Audit ETAC Program DEP JKE		
	24 Mac 2018	Karnival Pendidikkan Tinggi Malaysia 2018	Universiti Malaysia Terengganu	Kementerian
	25 Mac 2018	Bengkel Penyampaian Berkesan PKT 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
APRIL	2 April 2018	Mesyuarat Peyelarasan EKSA	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	5 April 2018	Lawatan Ke Regency Hotel	Regency Hotel, Terengganu	Politeknik
	6 April 2018	Kursus Teambuilding Sungai Lembing	Sungai Lembing, Pahang	Politeknik
	12 April 2018	Majlis APC KPT 2018	Serdang, Selangor	Kementerian
	15 April 2018	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara PKT dan Shin-Etsu Polymer		Industri
	16 April 2018	Lawatan Tidak Rasmi Dr Naim	Politeknik Kuala Terengganu	
	18 April 2018	Lawatan Pelajar Sekolah Ke PKT		Politeknik
	30 April 2018	Perasmian Gotong Royong Perdana EKSA PKT 2018		
MEI	21 Mei 2018	Mock Audit ETAC Program DEP JKE	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	23 Mei 2018	Majlis Perhimpunan Bulanan PKT 2018		
JUN	6 Jun 2018	Program Gotong Royong Bubur Lambuk Ramadhan PKT 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	7 Jun 2018	World Quran Hour 2018 PKT		
	27 Jun 2018	MSK PKT 2018		
	30 Jun 2018	Career Day PKT 2018		

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN (JULAI – DISEMBER)

AKTIVITI UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JULAI	1 Julai 2018	Penyerahan Mesin PPRN	Syarikat NMH, Manir, Terengganu	JPPKK
	16 Julai 2018	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PKT 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	25 Julai 2018	Taklimat SPR 2018		
	30 Julai 2018	Mesyuarat Penyelarasan Karnival Sukan Pantai Politeknik Malaysia		
OGOS	4 Ogos 2018	Sukan Pantai & Indoor Game PKT	Teluk Ketapang, Terengganu	Politeknik
	10 Ogos 2018	Majlis Persada Inovasi KIK Horizon Baharu 2018	Regency Hotel, Terengganu	JPPKK
SEPTEMBER	6 September 2018	Politeknik Kasih (CSR) Pulau Perhentian	Pulau Perhentian, Terengganu	Politeknik
	22 September 2018	Majlis Makan Malam Alumni PKT 2018	Taman Tamadun Islam, Terengganu	Politeknik
	23 September 2018	Majlis Konvokesyen Politeknik Kuala Terengganu Ke 17		
OKTOBER	1 Oktober 2018	Akreditasi ETAC Program DEP JKE	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	8 Oktober 2018	Majlis Persaraan Pengarah PKT Hjh Radiah Che Su		
	8 Oktober 2018	Santai Bersama Pengarah di TTI River Cruise		
	10 Oktober 2018	Pertandingan Inovasi Projek Pelajar Sesi Jun'18 PKT		
	21 Oktober 2018	Mesyuarat Kali Pertama Bersama Dr.Daud		
	25 Oktober 2018	Majlis Perpisahan Staf PKT		
NOVEMBER	22 November 2018	Majlis Perhimpunan Bulanan PKT Anjuran JTMK	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	24 November 2018	Bengkel Pelan Startegik PKT 2018 di Kem Damai Besut		
	26 November 2018	Taklimat My Portfolio PKT		
DISEMBER	6 Disember 2018	Majlis Penutup MSK PKT Sesi Disember 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	18 Disember 2018	Kempen Derma Darah		

STATISTIK PENGGUNAAN KEMUDAHAN DAN FASILITI UPIM

Data Penggunaan Bilik Tayangan, Dewan Utama, Perkhidmatan Fotografi, Videografi Dan Pinjaman Peralatan UiDM 2018 adalah seperti Jadual 1 : Kekerapan Tempahan Perkhidmatan.

Sepanjang tahun 2018, UiDM telah terlibat dengan pelbagai aktiviti atau perkhidmatan seperti aktiviti yang melibatkan 61 perkhidmatan fotografi, 36 perkhidmatan videografi, 17 kekerapan penggunaan bilik tayangan dan 75 kekerapan penggunaan dewan utama.

Bulan	Dewan Utama	Bilik Tayangan	Fotografi	Videografi	Perkhidmatan	Jumlah
Januari	4	1	8	5	6	24
Februari	16	4	8	4	17	49
Mac	4	1	8	5	7	25
April	1	1	8	4	2	16
Mei	2	1	3	3	3	12
Jun	2	1	4	1	3	11
Julai	10	1	6	2	10	29
Ogos	8	3	2	2	10	25
September	8	1	4	2	9	24
Oktober	11	1	5	3	8	28
November	3	1	3	3	1	11
Disember	6	1	2	2	3	14
Jumlah	**75**	**17**	**61**	**36**	**79**	**268**

Jadual 1 : Kekerapan Tempahan Perkhidmatan.



Jadual 2 : Statistik Penggunaan Perkhidmatan UPIM

VIDEO PELAPORAN PoliTV

Bagi pelaporan pula, UIDM PKT telah berjaya membuat sebanyak 8 produksi video sebagai salah satu medium bagi hebahan aktiviti yang berlaku di Politeknik Kuala Terengganu, ianya boleh dicapai di carian Youtube: UIDM PKT.



POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

SOKONGAN PELAJAR

2018

JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR (JHEPP)

Editor : Norhayati binti Ismail

PENGENALAN

Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (JHEPP) bertanggungjawab dalam kerja-kerja berkaitan dengan proses pengambilan pelajar seperti permohonan, pendaftaran, menyimpan dan mengemaskini rekod pelajar. Jabatan ini juga bertanggungjawab memantau disiplin pelajar disamping memberi khidmat sokongan kepada pelajar dalam mendapatkan pinjaman atau biasiswa serta menguruskan perlindungan insuran takaful secara berkelompok. Selain dari itu, JHEPP juga ada menjalankan kajiselidik berkaitan kerjaya dan beberapa perkhidmatan lain bagi mempastikan kebajikan pelajar terjamin disepanjang tempoh berada di PKT.

OBJEKTIF JHEPP

a. Mengurus kemasukan dan penyimpanan data dan rekod pelajar
b. Mengadakan perkhidmatan berkaitan dengan urusan pinjaman
c. Memberi bimbingan tentang keperluan mematuhi arahan dan peraturan yang dilaksanakan di PKT. Tindakan tatatertib yang diambil adalah merujuk kepada Akta Institusi Pelajaran Malaysia (Tatatertib) Akta 174 dan Peraturan Am Politeknik.
d. Penubuhan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

MISI JHEPP

Melaksanakan proses pendaftaran pelajar baharu dan lama, melaksanakan Minggu Suai Kenal, menguruskan kebajikan dan disiplin serta aktiviti – aktiviti pelajar berlandaskan kepada piagam pelanggan.

VISI JHEPP

Berazam Menjadi Jabatan Sokongan Yang Berkesan dalam Pengurusan Pendaftaran, Minggu Suai Kenal, Kebajikan dan Disiplin Pelajar.

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

Antara kemudahan yang terdapat di unit ini ialah seperti berikut :

a. Pendaftaran pelajar
b. Kad Pelajar
c. Bantuan Kewangan
d. Bantuan Zakat kepada pelajar yang layak
e. Bantuan Pelindungan Polisi Insurans kepada pelajar

CARTA ORGANISASI JHEPP



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

Berikut ialah senarai aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2018

AKTIVITI JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI	2 Januari 2018	Majlis Perasmian Program Cabinet Away Day Bersama YB Latiff Parlimen Marang	Kg Kenanga, P. Berangan	Kebangsaan
	6 Januari 2018	Program 1P1K "Love Islam For Eternity" Yadim bersama Anak – anak Yatim	Taman Tamadun Islam, TTI	Komuniti
	24 Januari 2018	Lawatan YB Latiff ke Rumah CAD di Kg Tebakang	Kg Tebakang, Terengganu	Kebangsaan
	25-27 Januari 2018	Majlis Pemantapan Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi MPP PKT 2018	Kem Damai Beach Resort, Besut	Politeknik
FEBRUARI	6 Februari 2018	Majlis Penyerahan Watikah MPP Sesi 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	7 Februari 2018	Program Pemberian Buah Limau Mandarin	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
MAC	15 Mac 2018	"Feed The Homeless"	Bandaraya Kuala Terengganu	Politeknik
APRIL	15 April 2018	Program Pemantapan Sahsiah Diri & Akademik "The Power of Mind 2018"	SMK Sultan Ahmad	Politeknik
JUN	25-28 Jun 2018	Pendaftaran & Minggu Suai Kenal Sesi Jun 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
JULAI	09 Julai 2018	Program Derma Darah PKT Sesi Jun 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	25 Julai 2018	Program Pendidikan Pengundi Dalam Urusan Pilihanraya Bersama Pelajar - pelajar Politeknik Malaysia	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
OGOS	28 Ogos 2018	Program Night Neon PKT (Ambang Merdeka)	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	30 Ogos 2018	Program Konvoi Merdeka (Sayangi Malaysia)	Rumah Perkaya, Marang	Politeknik
SEPTEMBER	06-08 September 2018	Program Sukarelawan Perdana YES! PKT Bersama Komuniti Pulau Perhentian	Pulau Perhentian, Besut	Komuniti
	29 September 2018	Kempen Kesedaran Air Bomba	Pulau Warisan	Negeri
DISEMBER	03-06 Disember 2018	Minggu Suai Kenal Sesi Disember 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	18 Disember 2018	Program Derma Darah PKT Sesi Disember 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	31 Disember 2018	Program "Boleh Kami Bantu"	SK Pusat Kuala Ibai	Komuniti

PENCAPAIAN DAN PRESTASI

Sepanjang tahun 2018, JHEPP telah berjaya mendapat penghargaan dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.:



UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
(ICU JPM)

Sijil Penghargaan

Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Atas penglibatan dalam

Program Baik Pulih Rumah di bawah
Cabinet Away Day

Pada

JANUARI 2018

Di bawah penyelarasan

UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Bersama

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Ahmad zaki

(TAN SRI AHMAD ZAKI ANSORE BIN MOHD YUSOF)
Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri

STATISTIK PELAJAR DI JHEPP

1 Bilangan pelajar yang masuk sepanjang tahun 2018 untuk program diploma di Politeknik Kuala Terengganu

Kod Program	Nama Program	Jun 2018	Dis 2018	Jumlah Mendaftar
DE007 (DEE)	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK	58	13	71
DE004 (DEP)	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI)	19	0	19
DF007 (DDT)	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI DIGITAL)	96	28	124
PS001 (Pra-Dip)	PRA DIPLOMA SAINS	0	19	19
	Jumlah	**173**	**60**	**233**



2 Jumlah enrolmen pelajar Politeknik Kuala Terengganu sepanjang tahun 2018 (tidak termasuk pelajar kursus pendek)

Kod Program	Nama Program	Jun 2018	Dis 2018	Jumlah Mendaftar
DE004 (DEP)	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI)	72	64	136
DE007 (DEE)	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK	192	183	375
DF007 (DDT)	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI DIGITAL)	227	240	467
DF003 (DNS)	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (RANGKAIAN)	129	96	225
DF004 (DIP)	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (PENGATURCARAAN)	27	1	28
PS001 (Pra-Dip)	PRA DIPLOMA SAINS	15	19	34
	Jumlah	**662**	**603**	**1,265**



STATISTIK PELAJAR DI JHEPP

3 Bilangan pelajar yang masuk sepanjang tahun 2018 berkelayakan masuk melebihi syarat minimum:

Kod Program	Nama Program	JUN 2018		DISEMBER 2018		
		Penuhi Syarat	> Syarat Minimum	Penuhi Syarat	> Syarat Minimum	Jumlah > Syarat Minimum
DE007	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK	58	53	13	13	66
DE004	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI)	19	19	0	0	19
DF007	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI DIGITAL)	96	87	28	27	114
PS001	PRA DIPLOMA SAINS	0	0	19	18	18
	Jumlah	**173**	**159**	**60**	**58**	**217**



Peratusan Bilangan Pelajar Melebihi Syarat Minimum

UNIT PERPUSTAKAAN

Editor : Norhayati binti Ismail

PENGENALAN

Perpustakaan Politeknik Kuala Terengganu (PKT) berperanan sebagai pusat penyediaan sumber maklumat pendidikan, pembelajaran, dan pengajaran khusus kepada pelajar, dan staf PKT. Perpustakaan ini terletak di bahagian tengah kampus dan menjadi lokasi yang sangat strategik sebagai pusat tumpuan warga PKT. Dengan keluasan 1,816 meter persegi, ia mampu menampung kapasiti pengguna seramai 90 orang.

Terdapat pelbagai jenis bahan bacaan dan rujukan berdasarkan bidang pengajian yang ditawarkan di Perpustakaan Politeknik Kuala Terengganu. Jenis koleksi yang terdapat adalah dari bahan-bahan akademik serta pembacaan ringan. Di samping kepelbagaian bahan bacaan, perpustakaan ini juga menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada pengguna.

Pada tahun 2014, Perpustakaan PKT mula menggunakan Sistem Pengurusan Perpustakaan ILMU (Integrated Library Management Utility). Sistem ini menyediakan OPAC (Online Public Access Catalogue) bagi membantu pengurusan perpustakaan mengumpul, merekod, menyimpan dan membantu pengguna mencari bahan bacaan di perpustakaan. Sehingga Disember 2018, koleksi terkini di Perpustakaan PKT adalah sebanyak 11,863 judul atau 17,329 naskah.

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

a. **Ruang Bacaan Terbuka** - Ruang bacaan di perpustakaan PKT boleh memuatkan 60 orang pengguna dalam satu masa.

b. **Bilik Pencarian Maklumat (IT)** - Perpustakaan PKT menyediakan tujuh buah komputer yang boleh digunakan oleh pelajar untuk mengakses internet secara percuma dan di tempatkan di bilik berasingan.

c. **Terminal Katalog Perpustakaan (OPAC)** - Melalui Terminal Katalog Perpustakaan (OPAC) ini, pengguna boleh membuat carian rekod buku dan status bahan tersebut di perpustakaan.

d. **Program Latihan dan Pembangunan** - Program latihan dan pembangunan bagi pelajar dan kakitangan sentiasa dirangka bagi memastikan pengguna mendapat kemahiran terutama di dalam pencarian dan penggunaan maklumat.

e. **Pinjaman dan Pemulangan Buku** - Pelajar dan kakitangan PKT adalah secara automatiknya menjadi ahli perpustakaan PKT.

f. **Loker** - Sebanyak 24 unit loker disediakan untuk kegunaan para pelajar.

g. **WiFi Percuma** - Perkhidmatan ini disediakan secara percuma kepada pelajar dan staf PKT.

h. **Perkhidmatan e-Lirbrary** - Rangkaian Pangkalan Data Portal u-Pustaka Perpustakaan Negara Malaysia menerusi http://www.u-library.gov.my/

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI UNIT PERPUSTAKAAN SEPANJANG TAHUN 2018				
BULAN	**TARIKH**	**NAMA PROGRAM /AKTIVITI**	**TEMPAT**	**PERINGKAT**
JANUARI - FEBRUARI	28 Januari - 01 Februari 2018	Minggu Jawi dengan kerjasama Jabatan Matematik Sains dan Komputer	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
APRIL	01-02 April 2018	Bengkel Kemaskini Daftar Buku Menggunakan Sistem ILMU	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	11-12 April 2018	Bengkel Verifikasi Stok Buku		
MEI	02 Mei 2018	Kursus Pengurusan Khidmat Bantu Pusat Sumber Sekolah (PSS) Peringkat Negeri Terengganu 2018 (Daerah Besut) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
JUN - JULAI	07 Jun 2018	Quran Hour dengan kerjasama Unit Pengurusan Psikologi	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	27 Jun 2018	Literasi Maklumat Sesi Jun 2018		
	30 Jun - 01 Julai 2018	Career Day dengan kerjasama Unit CISEC		
	29 Julai 2018	Simulasi Sekolah Anugerah Pusat Sumber Sekolah Peringkat Kebangsaan 2018 dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu		
OKTOBER	01-03 Oktober 2018	Kursus Asas Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS) Untuk Guru Perpustakaan dan Media Negeri Terengganu 2018 dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
Disember	11 Disember 2018	Literasi Maklumat Sesi Dis 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	18 Disember 2018	Kempen Derma Darah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar di Politeknik Kuala Terengganu		

Statistik Buku



1

JUMLAH KOLEKSI BAHAN BACAAN DI PERPUSTAKAAN PKT TAHUN 2018

Petunjuk:

- B Falsafah, Agama
- C Sejarah, Tamadun, Riwayat
- H Sains
- L Pendidikan
- P Bahasa, Sastera
- Q
- T Teknologi, Kej. Elektrik
- O Lain-lain
- Bilangan Judul
- Bilangan Naskhah

Statistik Buku

2 PERATUS KOLEKSI BAHAN BACAAN DI PERPUSTAKAAN PKT TAHUN 2018



POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

KOLABORASI

2018

JAWATANKUASA KOLABORASI POLITEKNIK

Editor : Norlia binti Embong

PENGENALAN

Politeknik Kuala Terengganu telah menandatangani sijil kolaborasi dengan sembilan buah industri dan agensi sepanjang tahun 2018. Industri dan agensi yang terlibat adalah:

a. RTM, Jabatan Penyiaran Terengganu
b. Infradata Technology and Services Sdn. Bhd.
c. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)
d. NMH Production & Creation
e. Jasa Merin (Malaysia) Sdn. Bhd
f. Info-Matic Power Sdn. Bhd
g. JobsMalaysia Centre Terengganu
h. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu
i. 2Y Communication Engineering

Diantara antara aktiviti-aktiviti kolaborasi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018 termasuklah:

Bil	Nama Program	Industri / Agensi Terlibat	Tarikh
1	Sijil Kemahiran Kecekapan Pemasangan Pendawaian Bangunan Tahap 1	Akademi Binaan Malaysia (Wilayah Timur)	15 - 16 April 2018
2	Temuduga Terbuka Career Day 2.0 Politeknik Kuala Terengganu 2018	1. Jasa Merin (Malaysia) Sdn. Bhd. 2. Shin Etsu Polymer (M) Sdn. Bhd.	30 Jun – 1 Julai 2018
3	Mini Simposium IR 4.0	1. My Softcare Solution Sdn. Bhd. 2. KNS Consultant Sdn. Bhd. 3. Info-Matic Power Sdn. Bhd. 4. Web Creative Solutions Sdn. Bhd.	30 Jun – 1 Julai 2018
4	Bengkel Project Management and Finance	KNS Consultant Sdn. Bhd.	1 September 2018
5	Bengkel Pemantapan Teknikal, Penulisan dan Penilaian Bersama Industri	Mysoftcare Solution Sdn. Bhd.	4 Oktober 2018
6	Sijil Kemahiran Kecekapan Pemasangan Pendawaian Bangunan Tahap 1	Akademi Binaan Malaysia (Wilayah Timur)	18 - 22 November 2018
7	Sijil Kemahiran Kecekapan Pemasangan Penyaman Udara & Pengudaraan Mekanikal (Kediaman & Komersial) Tahap 2	Akademi Binaan Malaysia (Wilayah Timur)	18 - 22 November 2018
8	Sijil Kemahiran Kecekapan Pemasangan Penyaman Udara & Pengudaraan Mekanikal (Kediaman & Komersial) Tahap 2	Akademi Binaan Malaysia (Wilayah Timur)	25 - 29 November 2018

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA KOLABORASI POLITEKNIK



RAKAN KOLABORASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

INTERAKSI INDUSTRI

2018

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)

STATUS INTERAKSI INDUSTRI DALAM P&P TAHUN 2018

Program	Kod	Bulan *2				
		Jan-Mac	Apr-Jun	Jul-Sep	Okt-Dis	Pencapaian
DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI)	DEP	13 jam ○	10 jam ○	20 jam ○	- ○	●
DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK - ELEKTRONIK	DEE*1	13 jam ○	10 jam ○	8 jam ○	- ○	●
Pencapaian (Sukuan)		○	○	○	○	○

Petunjuk :
Bilangan jam interaksi industri dalam P&P setiap sukuan bagi **setiap program** :

Bulan Jan – Mac : **15 jam** Bulan Julai – Sept : **45 jam**
Bulan April – Jun : **30 jam** Bulan Okt – Dis : **60 jam**

● Mencapai Bilangan jam interaksi industri dalam P&P seperti yang ditetapkan
○ Tidak mencapai Bilangan jam interaksi industri dalam P&P seperti yang ditetapkan

Nota : ****1 Program DEE hanya mula ditawarkan di PKT mulai Sesi Jun 2014;***
KPI sebanyak 60 jam/setiap Program (DEP/DEE/DIP) adalah merujuk kepada PolyPMO @ Pelan Strategik.
****2 Data yang direkodkan mengikut sukuan adalah jumlah semasa (accumulative).***

SENARAI AKTIVITI INTERAKSI INDUSTRI DALAM P&P TAHUN 2018

Bil	TARIKH	NAMA AKTIVITI PPI & INDUSTRI	PROGRAM	LOKASI	BIL. PELAJAR TERLIBAT	BILANGAN JAM INTERAKSI
1	26/2/2018	SESI TAKLIMAT KESELAMATAN BERSAMA INDUSTRI	DEP&DEE	DEWAN JPA,PKT	57 ORANG	8 JAM
2	28/2/2018	LAWATAN KE STESEN JANAKUASA ELEKTRIK SULTAN MAHMUD, KENYIR, TERENGGANU	DEP&DEE	TNB JENAGOR,TERENGGANU	31 ORANG	5 JAM
3	15/4/2018	SESI TAKLIMAT OLEH SHINETSU	DEP&DEE	DEWAN JPA,PKT	78 ORANG	6 JAM
4	30/6/2018	CAREER DAY 2.0-Sesi talk bersama Industri	DEP&DEE	DEWAN JPA,PKT	73 ORANG	4 JAM
5	1/07/2018	CAREER DAY 2.0-Temuduga terbuka	DEP&DEE	DEWAN JPA,PKT	25 ORANG	8 JAM
6	9-10/9/2018	PROJECT MANAGEMENT & FINANCE	DEP	MAKMAL RANGKAIAN JKE, PKT	25 ORANG	12 JAM
				JUMLAH BESAR	**289 ORANG**	**43 JAM**

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (JTMK)

STATUS INTERAKSI INDUSTRI DALAM P&P TAHUN 2018

Program	Kod	Bulan *2				
		Jan-Mac	Apr-Jun	Jul-Sep	Okt-Dis	Pencapaian
DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI DIGITAL)	DDT	17 jam ○	17 jam ○	33 jam ○	46 jam ○	46 jam ●
Pencapaian (Sukuan)		○	○	○	○	○

Petunjuk :
Bilangan jam interaksi industri dalam P&P setiap sukuan bagi **setiap program** :

Bulan Jan – Mac : **15 jam** Bulan Julai – Sept : **45 jam**
Bulan April – Jun : **30 jam** Bulan Okt – Dis : **60 jam**

● Mencapai Bilangan jam interaksi industri dalam P&P seperti yang ditetapkan
○ Tidak mencapai Bilangan jam interaksi industri dalam P&P seperti yang ditetapkan

Nota : ****1 Program DDT hanya mula ditawarkan di PKT mulai Sesi Jun 2016;***
****2 Data yang direkodkan mengikut sukuan adalah jumlah semasa (accumulative).***

SENARAI AKTIVITI INTERAKSI INDUSTRI DALAM P&P TAHUN 2018

Bil	TARIKH	NAMA AKTIVITI PPI & INDUSTRI	PROGRAM	LOKASI	BIL. PELAJAR TERLIBAT	BILANGAN JAM INTERAKSI
1	1/7/2018	Sesi Talk bersama industri	DDT	Dewan Utama, Politeknik Kuala Terengganu	30 ORANG	16 JAM
2	24-25/11/2018	Kursus Pembangunan Hibrid Mobile Apps Using Cordova	DDT	Makmal JTMK, PKT	60 ORANG	13 JAM
3	28/2/2018	Bengkel pemantapan projek pelajar	DDT	Dewan Utama, PKT	23 ORANG	8 JAM
4	23/1/2018	Bengkel keusahawanan bersama alikhsan	DDT	Dewan Utama, PKT	31 ORANG	2 JAM
5	8/2/2018	Bengkel pengukuhan pengaturcaraan C++	DDT	Makmal IT2, JTMK,PKT	33 ORANG	7 JAM
				JUMLAH BESAR	**177 ORANG**	**46 JAM**

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

SOROTAN AKHBAR & KOLEKSI GAMBAR

2018

SOROTAN AKHBAR



Radiah julang nama Politeknik Kuala Terengganu

PROFIL

Nama : Radiah Che Su
Jawatan: Pengarah Politeknik Kuala Terengganu
Tarikh lahir : 9 Oktober 1958

Penyelidikan:
- Cara menangani halangan kerjaya, keyakinan diri dan proses memilih kerjaya
- Penilaian status pelaksanaan model kolaborasi institut- institut pendidikan teknikal dalam melahirkan modal insan cemerlang
- Amalan kepimpinan transformasi dalam kalangan pengurusan politeknik kuala terengganu

Penerbitan:
- Diges Penyelidikan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
- Diges Kolej Komuniti Kuala Terengganu Jilid 1/Bil. 1
- Diges Penyelidikan PSMZA 2012
- Buku Garis Panduan Penulisan Penyelidikan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Jabatan Pengajian Politeknik
- Diges Jabatan Pengajian Politeknik Jilid 2, Bil.2/2013
- Diges Ilmiah Politeknik Kuala Terengganu bil.2/2013
- Pelan Strategik 2013-2015 Politeknik Kuala Terengganu

Radiah julang nama Politeknik

FARAH SHAZWANI ALI

Tangan yang menggayun buaian mampu menggoncang dunia. Ungkapan ini memang tepat bagi menggambarkan kuatnya pengaruh Radiah Che Su yang membawa pelbagai kejayaan kepada Politeknik Kuala Terengganu (PKT).

Ibu empat anak ini merupakan Pengarah PKT selama lebih tujuh tahun dan dalam tempoh itu, pelbagai kejayaan diraih sehingga membawa nama sehingga membawa nama politeknik konvensional kecil ini ke tempat yang tidak pernah difikirkannya.

Antara kejayaan yang dirangkul PKT adalah Anugerah Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Terengganu 2017 dan penarafan projek lima bintang menerusi Star Rating pada pertandingan itu.

Selain itu, PKT turut muncul juara keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Politeknik Malaysia Peringkat Kebangsaan 2017.

Kemenangan itu menjadikan PKT merangkul anugerah itu selama tiga tahun berturut-turut, selain meraih johan bagi Kategori Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan) dan tempat pertama bagi pameran terbaik.



"Politeknik ini dikira sebagai politeknik konvensional kecil kerana jumlah pelajarnya hanya kira-kira 600 orang. Sebelum saya datang ke politeknik ini, saya lihat politeknik ini kurang daripada segi inovasi dan kreativiti.

"Sebab itu apabila saya diberi tanggungjawab untuk mengetuai PKT, azam saya untuk melihat politeknik ini berjaya. Jadi, bila di sini, saya asah staf dan pelajar sama sahaja dan cabar mereka untuk masuk pelbagai pertandingan.

"Hasilnya kita dapat lihat tenaga pengajar dan pelajar makin kreatif dan berlumba-lumba melakukan inovasi. Malah, kita terapkan juga daya keusahawanan dan hasilnya, kita meraih tempat kedua dalam ASEAN Entrepreneurship pada 2016. Tahun ini, kita bertanding lagi," katanya.

Bidang kejuruteraan bawa tuah

Memiliki Diploma Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia (1980) dan Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Mekanikal) UTM (1990), Radiah mengakui kejuruteraan sebenarnya bukan pilihannya.

Katanya, bidang kejuruteraan adalah 'bidang terjun' memandangkan beliau lepasan Sekolah Menengah Sains Kelantan.

"Selepas habis MCE (kini SPM), saya tidak tahu nak pilih bidang apa. Rakan-rakan ramai yang sambung pelajaran ke matrikulasi. Saya isi sahaja borang, tetapi rezeki saya kerana keputusan cemerlang dalam subjek Matematik Tambahan dan Fizik, saya diterima masuk ke UTM.

"Saya langsung tidak tahu apa berkaitan kejuruteraan dan semasa sambung belajar, hanya ada empat orang perempuan dalam kelas saya. Pelajar lelaki pula kebanyakannya dari sekolah teknik, mereka lebih 'expert.' Saya berterima kasih kerana mereka banyak membantu saya selama ini," katanya.

Selepas pengajiannya, beliau mendapat tawaran mengajar di Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu pada April 1980 dan selepas lapan tahun, berjaya naik tingkatan khas dan ditawarkan mengajar di Politeknik Alor Star, Kedah.

Selepas mengajar hampir enam bulan, beliau ditukarkan ke Politeknik Kota Bharu, Kelantan dan menyambung pengajian peringkat ijazah pada tahun 1990 ketika berusia 30 tahun dan mempunyai dua anak.

"Selepas tamat pengajian, saya banyak merantau dan akhirnya saya masuk ke PKT pada 2011 dan bergelar pengarah.," katanya.

Usaha tingkat inovasi

Radiah yang akan bersara pada April nanti berkata, beliau berasa seronok dan puas terutamanya apabila memimpin PKT.

Bagaimanapun beliau mengharapkan penggantinya selepas ini meneruskan usahanya untuk mempertingkatkan inovasi di kalangan tenaga pengajar dan pelajarnya dan membawa PKT ke peringkat yang lebih tinggi.

Malah katanya, usaha kolaborasi antarabangsa perlu diteruskan bagi memastikan PKT terus berdaya saing.

"Kita ke Indonesia dan berkolaborasi bersama Universitas Karimun dan Politeknik Padang bagi berkongsi maklumat dan kepakaran sejak beberapa tahun lalu. Malah kita juga ke Vietnam jalankan program khidmat masyarakat.

"Bidang utama di PKT adalah teknologi maklumat (IT) dan kejuruteraan elektrik.

Saya percaya kerjasama antarabangsa ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada pensyarah dan pelajar kita, ia akan meningkatkan kepakaran dengan perkongsian maklumat," katanya yang mahu meluangkan lebih masa bersama keluarga serta melancong ke luar negara, selepas bersara nanti.

› *Sinar Harian, Selasa, 20 Februari 2018*

SOROTAN AKHBAR

SINAR HARIAN • ISNIN 24 SEPTEMBER 2018

19

TERENGGANU.KELANTAN

Graduan PKT mudah dapat kerja

99 peratus mereka yang tamat pengajian terjamin kerjaya

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Sebanyak 99 peratus pelajar Politeknik Kuala Terengganu (PKT) bagi sesi Jun dan Disember 2017 telah memperoleh pekerjaan di sektor dan agensi kerajaan selepas mereka menamatkan pengajian masing-masing.

Pengarah PKT, Radiah Che Su berkata, perkembangan positif dan membanggakan itu selaras dengan usaha serta matlamat PKT dalam menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran kerjaan.

Menurutnya, sejajar dengan perkembangan teknologi yang semakin mencabar, permintaan tinggi industri terhadap lepasan Pendidikan Teknikal dan Latihan (TVET) adalah setanding dengan lepasan universiti awam atau swasta.

"Menyedari potensi generasi TVET ini, kita telah memilih Konvokesyen pada kali ini," katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen PKT ke17 di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI), semalam.

Majlis itu disempurnakan oleh Naib Pengerusi Eksekutif Iasa Merin (Malaysia) Sdn Bhd, Abdul Rahman Aliyang turut menyampaikan skrol konvokesyen kepada pelajar. Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan ketua-ketua jabatan.

Sebahagian daripada graduan PKT yang menerima skrol diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-17 PKT di Taman Tamadun Islam semalam.

Seramai 227 graduan jurusan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Diploma Teknologi Maklumat (Pengauratcaraan), dan Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian) bagi sesi Jun dan Disember 2017 menerima skrol masing-masing.

Dalam konvokesyen itu, pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Muhammad Arif A. Khalid, 24, dipilih sebagai penerima Anugerah Pengarah Politeknik.

Dalam ucapannya, Radiah turut menyentuh pelbagai kejayaan yang diraih oleh PKT dalam bidang inovasi, penyelidikan, kerjasama, sukan selain jalinan kolaborasi antara pelbagai agensi swasta dan kerajaan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

"Diharapkan cerita-cerita kejayaan ini akan dapat membakar lagi semangat warga PKT untuk terus berjaya dalam mengharumkan nama PKT di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa," katanya.

Sejak beroperasi pada tahun 1999, PKT telah melahirkan seramai 4,114 graduan pelbagai bidang dalam tempoh 19 tahun penubuhannya.

info

Permintaan tinggi industri terhadap lepasan Pendidikan Teknikal dan Latihan (TVET) adalah setanding dengan lepasan universiti awam atau swasta.

Politeknik Malaysia hasilkan 70 projek inovasi

MARANG - Penyelidik dari Politeknik Malaysia berjaya melaksanakan tujuh projek Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) yang mempunyai fungsi berbeza untuk masyarakat sepanjang tahun ini.

Antaranya adalah projek bagi menghasilkan mesin penuai hanyapaun atau penghasilan kelabu daripada hasil inovasi serta kreativiti terbaru dijalankan penyelidik dari Politeknik Kuala Terengganu.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia, Profesor Datuk Dr Mohd Ismail Abdul Aziz berkata, sebanyak 70 produk PPRN dihasilkan Politeknik Malaysia untuk menyelesaikan pelbagai masalah industri sejak 2015.

Menurutnya, produk itu kemudian diserahkan secara percuma kepada usahawan tempatan bagi membantu mengembangkan lagi perniagaan mereka.

"Tahun ini sebanyak tujuh produk dihasilkan dan akan ada lagi produk-produk baharu dihasilkan bergantung kepada industri yang datang pada kita dengan masalah-masalah mereka.

"Kebanyakannya kita akan selesaikan dalam tempoh tiga bulan hingga enam bulan," katanya pada majlis penyerahan mesin penyahhampaspaun atau penghasilan kelabu kepada pengusaha tilam kelabu, semalam.

Mohd Ismail menyerahkan mesin melalui projek PPRN itu kepada Nur Hamidah Mohd Zaki, 27, dan suami, Mohd Hasimi Mahmud, 29, dalam satu majlis ringkas di kediaman pasangan terbabit, di sini.

Mesin dihasilkan itu bukan sahaja dapat menjimatkan masa tetapi dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran sektor berkaitan dan dibangunkan empat pensyarah Politeknik Kuala Terengganu.

Pensyarah terbabit ialah Tengku Azman Tengku Mahmud, Muzuki Salim dan Suzana Mohd Ali diketuai Pengarahnya, Radiah Che Su.



Mohd Ismail (empat, kiri) menyerahkan mesin melalui projek PPRN itu kepada Nur Hamidah dan Mohd Hasimi (kanan).

Projek PPRN itu adalah inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi bagi menggalakkan program inovasi dan mengukuhkan pembangunan ekonomi berdasarkan permintaan dalam memacu produktiviti negara.

Martabat tulisan jawi

Jabatan
atik, Sains
Komputer
nik Kuala
anu anjur
Jawi 2018

...GANU - Tulisan jawi
...udaya ilmu yang tidak
...enyap sebaliknya dalam
...i baharu.
...u, tidak ramai generasi
...sebelum menulis dan
...i lawi dengan baik padahal
...emah mencapai zaman
...a sangat dahulu.
...ikal Politeknik
...u (PKT) melalui Jabatan
...dan Komputer dengan
...empunakan PKT
...tif menganjurkan Program
...i bermula pada 28 Januari
...ari.
...T, Radiah Che Su berkata,
...nganjurkan program

ini adalah untuk menambah ilmu kemahiran menulis dan membaca jawi dalam kalangan warga PKT selain menyemarakkan semula tulisan berkenaan sebagai budaya hidup masyarakat Islam amnya.

"Tulisan Jawi merupakan salah satu aset dan warisan Melayu peninggalan generasi dahulu kepada masyarakat pada hari ini.

"Amatlah rugi sekiranya generasi pada hari ini membiarkan warisan tulisan Jawi lapuk begitu sahaja tanpa ada usaha yang dilakukan untuk mengekalkannya. Lebih-lebih lagi dalam era sains dan teknologi masa kini yang begitu pesat berkembang.

"Saya berpuas hati dengan sambutan yang diberikan oleh warga PKT termasuk pelajar, pensyarah, kakitangan pentadbiran dan juga pekerja kebersihan dan berharap semua peserta mendapat manfaat melalui penganjuran program ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Penamatan Penutup Program Minggu Jawi 2018 yang diadakan di Perpustakaan PKT, di sini.

Turut hadir Timbalan Pengarah Akademik, Abdul Halim Ahmad, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Suzana Mohd Ali dan pegawai dari Kolej Al-Quran Negeri Terengganu.

Menariknya, program yang berlangsung selama lima hari itu turut mendapat sambutan daripada kalangan pelajar bukan islam di PKT yang berminat untuk mempelajari tulisan jawi.

Antara aktiviti yang dianjurkan sepanjang program tersebut adalah pertandingan mewarna poster jawi, pertandingan reka ulang kata jawi, pertandingan tulisan jawi tercantik, pertandingan membaca tulisan jawi paling lancar, pengumpulan ayat Al-Quran yang muak untuk dihapuskan, pameran dan jualan cenderahati khat.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada Unit Kaligrafi Kolej Al-Quran Negeri Terengganu dengan mengadakan kelas khat secara percuma kepada para peserta.



Pelajar bukan Muslim turut mengambil bahagian dalam program ini.





Tekun menyiapkan tugasan masing-masing.





UTUSAN MALAYSIA

RABU • 17.01.2018

ALAM AKADEMI



WARGA Politeknik Kuala Terengganu (PKT) yang terlibat melaksanakan kerja kerja pendawaian dalam kawasan Parlimen Marang, Terengganu, baru-baru ini.

Laksana pendawaian elektrik 34 buah rumah secara percuma

Pelajar PKT buat kerja amal

Oleh TENGKU FAUZIAH NGAH

tfengganu@utusan.com.my

■ MARANG 16 JAN.

POLITEKNIK Kuala Terengganu (PKT) meneruskan gerak kerja kesukarelawan melibatkan warganya dengan melaksanakan kerja pendawaian elektrik bagi 34 buah rumah dalam kawasan Parlimen Marang yang dijangka selesai pertengahan bulan ini.

Langkah yang sama pernah dilaksanakan dalam kawasan Parlimen Besut melibatkan 100 buah rumah pada 2016 dan melalui program Touch Point Cabinet Away Day 2017 itu, Kementerian Pendidikan Tinggi memperuntukkan RM170,000 untuk menyediakan kemudahan kepada golongan sasar.

Pengarahnya, Radiah Che Su berkata, melalui projek yang bermula Oktober tahun lalu, PKT telah diberi tanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja membaiki dan memulihkan elektrik di rumah-rumah terpilih dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Payung, Alor Limbat, Rhu Rendang dan Pengkalan Berangan.

"Dalam fasa pertama yang bermula Oktober hingga November, PKT berjaya menyiapkan sebanyak 12 buah rumah dan fasa kedua melibatkan 22 buah rumah lagi," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian program itu di Kampung Kenanga, dekat sini baru-baru ini.

Menurut Radiah, fasa kedua sudah bermula sejak awal Disember tahun lalu dan dijangka akan berakhir pada pertengahan bulan ini.

Tambahnya, selain mengenal pasti dan membaik pulih kerosakan pendawaian elektrik yang mengurangkan bebanan kos setiap keluarga, program itu sekali gus menjadi motivasi kepada pelajar di bidang kejuruteraan elektrik menjalankan kerja kebajikan selain pendedahan terhadap kerja di lapangan.

"Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program termasuk membaik pulih pendawaian elektrik usang dan boleh membahayakan keselamatan pengguna serta aktiviti pendawaian penambahan untuk pemasangan lampu, soket dan kipas.

"Selain itu pelajar turut membantu menukarkan aksesori pendawaian elektrik yang rosak dan semua aktiviti terbabit dipantau kalangan pensyarah," katanya.

SOROTAN AKHBAR



teganukita

TERKINI | CEPAT | TEPAT

HOME UTAMA SEMASA POLITIK PENDIDIKAN BISNES SUKAN KOMUNITI PELANCONGAN VIRAL

Pelajar PKT Laksana Pendawaian Elektrik 34 Rumah Di Marang

Mohd Syazni Zainudin Wednesday, January 03, 2018

Antara sukarelawan dari PKT yang terlibat dalam Program Touch Point Cabinet Away Day 2017, PKT bersama Parlimen Marang di Kampung Kenanga.

Visit Beautiful Terengganu Malaysia

BICARA Lang Telipot

DIARI teganukita

LIKE US ON FACEBOOK





PKT sedia khidmat percuma

MOHD AZLIM ZAINULY

18 JANUARI 2018

Facebook Twitter WhatsApp Email More

Sinar ONLINE TELUS & TULUS

Semua aktiviti dipantau pensyarah yang berkemahiran dalam bidang tersebut.



Pelajar PKT buat kerja amal

Laksana pendawaian elektrik 34 buah rumah secara percuma

WARGA Politeknik Kuala Terengganu (PKT) yang terlibat melaksanakan kerja-kerja pendawaian dalam kawasan Parlimen Marang, Terengganu, baru-baru ini.

Oleh Tengku Fauziah Ngah

17 Januari 2018 3:00 AM

12

MARANG 16 Jan. - Politeknik Kuala Terengganu (PKT) meneruskan gerak kerja kesukarelawan melibatkan warganya dengan melaksanakan kerja pendawaian elektrik











KOLEKSI GAMBAR 2018


POLITEKNIK
ALA TERENGGANU


OGRAM KHIDMAT KOMUNITI
SUKARELAWAN YES!
EKNIK KUALA TERENGGANU
BERSAMA
NITI KAMPUNG CHE KUN








POLITEKNIK
MALAYSIA
KUALA TERENGGANU
SELAMAT BERSARA
Puan Hajah
Radiah Bt. Che Su A.M.T
1 APRIL 1980 - 9 OKTOBER 2018
38 TAHUN BERKHIDMAT
Jasamu Tetap Dikenang
UNIT MULTIMEDIA










POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KONVENSYEN KIK 2018






Jawi
JAN - 1 FEB 2018




































OPEN FOR
PRE-ORDER






SIDANG EDITOR



YM Tengku Azman Bin Tengku Mohd
Ketua Editor Laporan Tahunan



Nor Aziah Binti Awang
Setiausaha Laporan Tahunan

Wan Noorhishamudin Bin Wan Mohd
Pereka Laporan Tahunan

Nadiana Binti Ariffin
Penolong Ketua Editor Laporan Tahunan



Norhayati Binti Ismail
Editor Laporan Tahunan

Wan Noor Aishah Binti Wan Chek
Editor Laporan Tahunan

Norlia Binti Embong
Editor Laporan Tahunan

POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

e-ISSN 2289-5353



Diterbitkan Oleh:

Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
MALAYSIA

www.pkt.edu.my

Tel : +609.6204100
Fax : +609.6204102